

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KITA mesti konsisten mara ke hadapan, bukan berundur ke belakang. Inilah namanya kita membangun dengan semangat juang".
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2019.



Hujung Minggu

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان
MANISNYA IMAN

RASULULLAH
Sallallahu Alaihi
Wasallam bersabda,
maksudnya : "Orang
yang bertaubat dari dosa
sama dengan orang yang
tidak berdosa".
- Diriwayatkan oleh
Imam Ibnu Majah,
daripada Abu 'Ubaidah
bin Abdillah.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.56	5.06	6.29	6.53	12.25	3.47	6.20	7.34

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 1

2 JANUARI 2021 / 1442 جمادى الأول 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua
tempat kami
berlindung, maka
lindungilah kami,
dari bahaya COVID-19,
dari serangan dan
jangkitannya. Jika
wabak ini bersebab
dari dosa-dosa manusia,
maka Engkau
ampunkanlah.
Sesungguhnya, hanya
Engkau jua Yang Maha
Berhak untuk
memberikan
pengampunan.
Aamiin Ya Rabbal
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Berkenaan Jangkitan Wabak
COVID-19 pada Isnin,
19 Syaaban 1441 Hijrah /
13 April 2020 Masihi di
Istana Nurul Iman.

Menuju aspirasi sebuah negara pintar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2021 di Istana Nurul Iman.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Tahun 2020, adalah merupakan tahun yang sangat mencabar bagi negara kita sendiri dan malah dunia, iaitu bersabit dengan tularnya wabak Coronavirus. Wabak ini memberi impak besar kepada perkembangan sosioekonomi di seluruh dunia.

Perkara tersebut ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2021, hari ini, di Istana Nurul Iman.

Ke muka 2

Amalkan budaya kerja berintegriti tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Isu keruntuhan dan kelemahan etika dan moral dalam melaksanakan amanah boleh menjadi penyebab kepada keburukan amalan rasuah, pecah amanah atau salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi.

"Beta yakin, manakala sifat seumpama ini dihapuskan, insyaaAllah, negara akan selamat dan sentiasa diberkati untuk menuju kejayaan".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2021, hari ini, di Istana Nurul Iman.

Ke muka 2



BRUNEI DARUSSALAM
2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Berita Utama



NEGARA teruskan komitmen
laksanakan penanaman pokok
Muka 6



RENTETAN peristiwa
sepanjang tahun 2020

Muka 27

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 1 JANUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES
JANGKITAN 157

JUMLAH
KEMATIAN 3

JUMLAH KES
YANG SEMBUH 149



www.moh.gov.bn



MINISTRY OF HEALTH,
BRUNEI DARUSSALAM



MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Menuju aspirasi sebuah negara pintar

Dari muka 1

"Alhamdulillah, dengan izin-Nya jua, negara kita telah dapat membendung wabak berkenaan dari terus merebak, hasil dari usaha-usaha bersepadu oleh pihak-pihak berkenaan serta penglibatan dan kerjasama seluruh rakyat dan penduduk menanganinya dengan 'vaksin ketuhanan' juga digunakan secara konsisten," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menjelaskan bahawa Brunei turut teruja dengan perkembangan transformasi digital untuk menuju aspirasi menjadikan negara sebagai sebuah negara pintar.

"Maka untuk itu, kerjasama strategik yang berterusan di antara semua pihak yang berkepentingan adalah diperlukan bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran bagi mencapai kemajuan ke arah *smart city*," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa kerajaan baginda melalui Kementerian

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Kewangan dan Ekonomi telah pun menyediakan Economic Blueprint sebagai hala tuju untuk mencapai perkembangan mantap ekonomi.

"Hasrat ini hanya akan dicapai melalui sokongan padu oleh pelbagai pihak yang berkepentingan. Beta ingin melihat dasar ekonomi tersebut berupaya untuk meningkatkan lagi produktiviti negara melalui inovasi dan koordinasi yang efektif," titah baginda.

Dalam masa yang sama, baginda juga menekankan akan isu sekuriti makanan. "Di samping itu, isu sekuriti makanan juga adalah agenda utama kita, supaya bekalan makanan asasi benar-benar mencukupi," tegas baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, marilah kita sama-sama merafakkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita melangkah ke Tahun Baharu Masihi

2021.

Sebelum mengakhiri titah, baginda merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta, pasukan-pasukan keselamatan serta para sukarelawan di atas usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2020.

"Beta dan keluarga beta juga tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baharu Masihi 2021 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua dan menjadikan Negara Brunei Darussalam kekal aman dan sejahtera di bawah naungan-Nya. Amin," titah baginda.

Amalkan budaya kerja berintegriti tinggi

Dari muka 1

Terdahulu, dalam titah, apa yang baginda harapkan, mereka yang berkhidmat dalam sektor awam atau swasta akan mengamalkan budaya kerja yang berintegriti tinggi, bertanggungjawab dan patuh kepada peraturan dan undang-undang.

Menyentuh mengenai tenaga kerja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menjelaskan, alhamdulillah, pada tahun 2020, sejumlah 9,317 warga Brunei telah mendapat pekerjaan di sektor swasta, berbanding sejumlah 9,056 pada tahun 2019.

"Kerajaan melalui Manpower Planning and Employment Council (MPEC) akan meningkatkan usaha menerusi JobCentre Brunei (JCB) di antara sektor awam dan swasta dalam meluaskan lagi peluang pekerjaan

kepada anak-anak tempatan," titah baginda.

Seterusnya dalam titah, Kebawah DYMM juga menjelaskan bahawa pada tahun 2021 ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi Pengerusi kepada mesyuarat di peringkat ASEAN yang membawa tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'. Tema ini bertujuan memberi fokus kepada hal ehwal kesejahteraan rakyat ASEAN.

"Maka dalam hubungan ini, keutamaan akan terus diberikan kepada melaksanakan inisiatif-inisiatif yang membolehkan negara-negara ASEAN akan lebih bersedia bertindak balas untuk memelihara kesejahteraan rakyat masing-masing, khasnya ketika menghadapi sebarang krisis atau bencana di masa-masa mendatang," titah baginda.

Dalam titah, baginda juga menegaskan bahawa dalam masa yang sama juga, rakyat ASEAN perlu diberi peluang

untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan, supaya lebih bersedia menghadapi cabaran serta ligat merebut peluang dari perkembangan teknologi dan arus perubahan global yang pantas.

"Oleh itu, Negara Brunei Darussalam sendiri mesti seiring dengan rakan-rakan membuat perubahan, dengan sistem negara, ekonomi, pendidikan dan keselamatan diperkukuhkan, sebagaimana merujuk kepada Blueprint-Blueprint, Pelan-Pelan Induk dan Pelan-Pelan Strategik yang dikeluarkan, sama ada di peringkat kementerian mahupun nasional," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah mengenai ehwal keselamatan ini, pada bulan Ogos 2020 yang lalu, baginda telah pun memperkenalkan penubuhan Cyber Security Brunei sebagai agensi yang menjaga keselamatan siber kebangsaan dari sebarang insiden dan ancaman siber.

Dari Sidang Pengarang.

2 JANUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الأولى 18

AMBIL IKTIBAR PERISTIWA 2020, HADAPI 2021 LEBIH CEKAL

ALHAMDULILLAH kini kita sudah melangkah ke dalam Tahun Baharu Masihi 2021 dengan meninggalkan berbagai-bagai kenangan pahit manis yang dilalui sepanjang tahun 2020 apabila seluruh dunia digemparkan dengan kehadiran wabak pandemik COVID-19 yang meragut beribu-ribu jiwa.

Berikutan pandemik tersebut negara kita tidak ketinggalan untuk turut sama membendung wabak tersebut daripada terus merebak dengan melaksanakan pelbagai inisiatif yang mana ia adalah sebagai langkah untuk kemaslahatan semua.

Antara langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 adalah dengan menjaga kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan, menjaga jarak sosial dan sebagainya. Selain itu, dari segi keroohanian pula, kita dianjurkan untuk sentiasa mengamalkan zikir dan doa bagi memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara itu masyarakat di negara ini turut mengadaptasikan norma-norma baharu bagi menjalani kehidupan seharian seperti menggunakan pensanitasi tangan, pemeriksaan suhu badan, memakai sungkup muka dan menggunakan aplikasi BruHealth bagi mengimbas Kod QR di premis-premis perniagaan.

Selain itu, sebagai langkah keselamatan dan penjagaan, Kementerian Kesihatan tidak kendur-kendur mengingatkan orang ramai untuk sentiasa melakukan langkah berjaga-jaga dengan mengamalkan penjarakan sosial atau fizikal, mengamalkan kebersihan diri dan menjaga etika ketika batuk atau bersin serta mengelakkan perkumpulan ramai, mengurangkan daripada mengunjungi ke gedung-gedung perniagaan beramai-ramai.

Hikmah daripada pandemik ini pelbagai inisiatif dan langkah baharu yang diterokai terutama dalam bidang pendidikan apabila para guru turut mengadaptasi program e-Learning bagi meneruskan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran di samping pembelajaran secara dalam talian melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti sekolah masing-masing, sama ada melalui e-mel, Google Docs, WhatsApp, Video Conference, Microsoft Teams dan platform media sosial atau sebarang aplikasi telekomunikasi yang bersesuaian.

Dengan perubahan tersebut sedikit sebanyak membuka lebih banyak peluang untuk orang ramai menggunakan berbagai-bagai kemudahan seperti perkhidmatan e-Dagang yang membolehkan orang ramai membeli dan menjual produk secara elektronik melalui aplikasi mudah alih dan internet. Menerusi platform e-Dagang tersebut para Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) boleh menempatkan produk dan perkhidmatan mereka dalam talian sebagai saluran alternatif untuk para pelanggan.

Semoga cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2020 menjadi iktibar kepada kita semua agar menjadi masyarakat Brunei yang lebih berani dan gigih berdepan cabaran bakal ditempuhi pada tahun 2021 bagi menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan sejahtera. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
KUALA BELAIT 31 23 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	SABTU	18	4.56	5.06	6.29	6.53	12.25	3.47	6.20	7.34
3	AHAD	19	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.48	6.20	7.35
4	ISNIN	20	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35
5	SELASA	21	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35
6	RABU	22	4.57	5.07	6.30	6.55	12.27	3.49	6.21	7.36
7	KHAMIS	23	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	JUMAAT	24	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Doa Kesyukuran sempena Penubuhan PPDB 100 Tahun



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri di JPM; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (atas). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan 100 Tahun, PPDB bagi Tahun 1442H / 2020M.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
 Foto : Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi
 Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN,
 Khamis, 31 Disember. -
 Duli Yang Teramat Mulia
 Paduka Seri Pengiran Muda
 Mahkota Pengiran Muda

Haji Al-Muhtadee Billah ibni
 Kebawah Duli Yang Maha Mulia
 Paduka Seri Baginda Sultan Haji
 Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
 Waddaulah, Menteri Kanan

di Jabatan Perdana Menteri
 (JPM) berangkat ke Majlis
 Membaca Surah Yaa Siin
 dan Doa Kesyukuran sempena
 Penubuhan 100 Tahun, Pasukan
 Polis Diraja Brunei (PPDB)
 bagi Tahun 1442H / 2020M
 yang berlangsung di Jame' 'Asr
 Hassanal Bolkiah, Kampung
 Kiarong, di sini.
 Keberangkatan tiba Duli Yang

Teramat Mulia dijunjung
 oleh Menteri di JPM, Yang
 Berhormat Dato Seri Setia Haji
 Awang Abdul Mokti bin Haji
 Mohd. Daud; Menteri di JPM
 dan Menteri Kewangan dan
 Ekonomi II, Yang Berhormat
 Dato Seri Setia Dr. Awang
 Haji Mohd. Amin Liew bin
 Abdullah; Pesuruhjaya Polis,
 PPDB, Dato Paduka Seri Awang

Haji Mohammad Irwan bin
 Haji Hambali; dan Timbalan
 Pesuruhjaya Polis, PPDB,
 Pengiran Dato Seri Pahlawan
 Haji Mohammad Jefri bin
 Pengiran Haji Abdul Hamid.

Ke muka 4



MAJLIS dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan 100 Tahun, PPDB bagi Tahun 1442H / 2020M.

Dari muka 3

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato

Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Tanggal 1 Januari merupakan tarikh yang sangat penting bagi warga PPDB dalam mengimbas

kembali sejarah penubuhan pasukan secara rasminya pada 1 Januari 1921.

Dengan ini menandakan PPDB menjangkau usianya Ke-100 Tahun dan tema sambutan tahun ini ialah '100 Tahun Kepolisan; Menghormati Masa Dulu,

Meraikan Masa Kini, Melindungi Masa Depan'.

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Matalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusoff.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap JPM, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap JPM, mantan-mantan Pesuruhjaya Polis, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, para jempunan khas, termasuk mantan-mantan pegawai polis dan anggota serta pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan awam daripada PPDB.



BACAAN Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan 100 Tahun, PPDB bagi Tahun 1442H / 2020M (kiri dan atas).

Persembahan dikir sempena pemasyhuran kemerdekaan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



KULAPIS, Jumaat, 1 Januari. - Mengambil sukut sempena Memperingati Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 27 Rabiulawal 1404 Hijrah bersamaan 1 Januari 1984 Masihi, Purih Burong Pingai dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis malam tadi menganjurkan Majlis Persembahan Dikir Brunei Pilihan Lagu Kesukaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam berlangsung di Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas majlis yang juga selaku Penaung Bersama Ahli Jawatankuasa Majlis Dikir Brunei Asli Kesukaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa hadir selaku tetamu khas pada Majlis Persembahan Dikir Brunei Pilihan Lagu Kesukaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam (atas). Manakala gambar kiri, Majlis Dikir dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Turut hadir, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin yang juga selaku Penaung Bersama Ahli Jawatankuasa Majlis berkenaan. Atur kerana majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sunat Hajat

Berjemaah dan diteruskan dengan bacaan tahlil khusus untuk Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang dipimpin oleh Imam Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis, Awang Haji Mohammad Burhanuddin bin Haji Damit.

Majlis Dikir dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Kemudian diikuti bacaan Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir Kampung Burong Pingai Air dan Jemaah Masjid Pehin Dato Imam Haji Abdul Mokti dipimpin oleh Awang Haji Mohammad Burhanuddin.

Selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Majlis Dikir diteruskan dengan laungan selawat yang dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan Dikir Khairuman Udana Laila dibawakan oleh Kumpulan Dikir BARAKA Kampung Sengkurong diketuai oleh Awang Haji Asbin bin Haji Mayalin.

Manakala Dikir Bisyahri (Cantek Manis) dibawakan oleh

Kumpulan Dikir Kampung Burong Pingai Berakas diketuai oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa.

Kumpulan Dikir Kampung Bengkurong pula membawakan Dikir Tanaqal Indara dan diketuai oleh Haji Awang Serudin bin Haji Mohammed diikuti dengan Dikir Ulidal (Udana Laila / Pawang) dibawakan oleh pembimbing dan guru-guru dikir diketuai oleh Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Haji Ludin, Pengiran Haji Matnor bin Pengiran Mohd Salleh dan Haji Awang Kambar bin Haji Awang Lamit.

Sementara itu, Kumpulan Dikir Purih Burong Pingai diketuai oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa pula membawakan Dikir Asraqal Jawi.

Bacaan Doa Dikir dipimpin oleh Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Haji Ludin, manakala Doa Selamat Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa.

Terdahulu dalam ucapan Pengerusi Purih Burong Pingai, Haji Awang Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin berkata, Purih Burong Pingai akan mengendalikan bengkel menghalusi Dikir Brunei Asli pada masa akan datang.

Jelasnya, rakaman video majlis malam itu dihasratkan akan menjadi rujukan kepada peminat-peminat dikir tanah air dan Bangsa Melayu di Nusantara umumnya dan menjadi warisan bangsa agar tidak pupus ditelan zaman.

COVID-19 : Sifar kes baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 157 kes.

Dalam Siaran Akhbar

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 240 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini,

sebanyak 16 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, lima kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 633 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 10,379 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 161 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 83,337 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	157		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (240 hari yang lalu)	16 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
633	10,379

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
161 sampel	83,337



SEBAHAGIAN daripada pendikir yang membawakan Dikir Brunei.

Negara teruskan komitmen melaksanakan penanaman pokok



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam semasa menanam pokok pada acara berkenaan.



**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan hari ini mengadakan Acara Penanaman Pokok, di mana ia adalah sebagai salah satu usaha ke arah mencapai sasaran untuk menanam 500,000 pokok baharu menjelang tahun 2035 dan juga merupakan strategi utama Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dilancarkan pada 25 Julai 2020.

Antara yang hadir pada acara yang berlangsung di Taman

Riadah, Jalan Pusat Persidangan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong selaku Ahli Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Ahli-ahli Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Tenaga; dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa sesi bergambar ramai pada Acara Penanaman Pokok.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada majlis tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari selaku Pengasas Bersama Green Brunei; dan Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan kata-kata aluan dari Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat antara lain menekankan mengenai kepentingan hutan-hutan dan pokok-pokok di dalam kehidupan manusia dan mengenai komitmen negara dalam melaksanakan penanaman pokok bagi mendukung Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, khususnya bagi Strategi 2: Liputan Hutan.

Ke muka 11

COVID-19 : 5 kes baharu disahkan

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

BERAKAS, Rabu, 30 Disember. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, lima kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini menjadi 157 orang.

Kes 153, seorang lelaki, berumur 29 tahun, tiba ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari India melalui Kuala Lumpur, Malaysia, pada 18 Disember 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874, beliau mengalami cirit-birit, bermula 21 Disember 2020 selama dua hari dan pada masa ini, tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

Kes 154, seorang wanita, berumur 27 tahun, tiba ke NBD dari India, pada 18 Disember 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI4112, beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

Kes 155, seorang wanita, berumur 61 tahun, tiba ke NBD dari India, pada 18 Disember 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI4112, beliau mula mengalami demam panas, pada 29

Disember 2020.

Kes 156, seorang lelaki, berumur 63 tahun dan suami kepada Kes 155, beliau juga tiba ke NBD dari India, pada 18 Disember 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI4112 dan mula mengalami demam panas juga batuk, pada 28 Disember 2020.

Kes 157, seorang wanita, berumur 33 tahun, yang juga tiba ke NBD dari India, pada 18 Disember 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI4112, beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, seterusnya berkata, kesemua kes baharu ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan.

Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes-kes baharu ini mendapati 19 orang kontak terdekat bagi kes ini, di mana ujian awal menunjukkan kesemua mereka adalah negatif bagi COVID-19, jelas Yang

Berhormat lagi.

Dengan pengesanan kes ini, Yang Berhormat, seterusnya menerangkan bahawa sebanyak 16 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020, di mana dengan ini, NBD mencatatkan 238 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

"Pada hari ini, seramai 580 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 10,304 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan - kemudahan berkenaan.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 199 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 83,108 ujian.

"Dengan perkembangan terbaru dan situasi global semasa pada masa ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak lalai atau *complacent* dalam mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat, seterusnya menyarankan orang ramai, untuk

mengamalkan kebersihan diri dan etika bersin yang betul.

Orang ramai, terutamanya mereka yang mempunyai risiko, seperti warga emas, ibu-ibu mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik, seperti kencing manis, pesakit buah pinggang, masalah pernafasan dan lain-lain, adalah juga digalakkan untuk memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam, termasuk apabila berkunjung ke tempat-tempat perkumpulan ramai, seperti pusat-pusat membeli-belah, ekspo jualan dan tempat-tempat persiaran, tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat, kemudiannya menasihati orang ramai untuk tidak keluar rumah jika berasa kurang sihat juga mengelakkan dari mengunjungi tempat-tempat yang penuh sesak.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggali 204), Yang Berhormat, seterusnya menegaskan, bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang dikeluarkan juga masih berkuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

"Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global dan akan memaklumkan kepada orang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media mengenai Situasi Jangkitan Terkini COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi wabak COVID-19, jika perlu dari masa ke semasa," terang Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

MTIC adakan Majlis Penghargaan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi

BERAKAS, Rabu, 30 Disember. - Dalam menghargai bakti dan jasa yang disumbangkan sepanjang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Majlis Penghargaan bagi Pegawai dan Kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Amar Pahlawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pemangku Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Mohammad Alihan bin Abusamah.

Seramai 66 pesara bagi tahun 2018 dan 2019 menerima sijil dan cenderahati disampaikan oleh



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada para pesara yang diraikan pada Majlis Penghargaan bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Amar Pahlawan, Berakas (atas dan atas kanan).

tetamu kehormat.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Awang

Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pengarah-pengarah; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya; serta Pihak Berkuasa yang berkenaan.



SEBAHAGIAN daripada pesara yang diraikan.

Bazar mendekatkan Thailand dengan rakyat Brunei



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa merasmikan Thailand Bazaar.



SALAMBIGAR, Rabu, 30 Disember. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) terus memeriahkan Festival Disember Brunei 2020 (Brunei December Festival 2020 - BDF 2020) dengan menganjurkan Thailand Bazaar untuk kali kedua bertempat di Pusat Membeli-belah OneCity, Jalan Salambigar, yang diadakan selama lima hari bermula hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian bazar tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sebanyak 13 petak pameran terdiri daripada peniaga-peniaga makanan dan minuman Thailand di negara ini menyertai bazar tersebut, yang berlangsung sehingga 3 Januari 2021.

Terdahulu, bagi memulakan majlis, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul mengongsikan bahawa penganjuran bazar kali pertama pada bulan Ogos yang lalu menunjukkan kejayaan yang besar dengan kira-kira 10,000 pelawat telah berkunjung selama tiga hari ia berlangsung.

Berikutan kejayaan tersebut, tambahnya, pihak OneCity Management menjemput pihak Kedutaan untuk sekali lagi menganjurkan bazar tersebut dengan sokongan Autoriti Pelancongan Thailand dan para peniaga bazar sebelumnya, bazar kali kedua ini berjaya diunkayahkan.

Thailand Bazaar merupakan projek pameran perdagangan tahunan untuk mempromosikan



YANG Berhormat menyaksikan pelbagai jenis makanan Thailand yang diletakkan pada Thailand Bazaar tersebut (atas), sementara gambar bawah kiri, Thailand Bazaar mengetengahkan 13 petak pameran, terdiri daripada para peniaga pelbagai makanan dan minuman Thailand di NBD.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

kerjasama pelancongan dan ekonomi, serta kerjasama hubungan antara rakyat NBD dan Thailand.

"Dalam sekatkan perjalanan yang kita alami sekarang, kami berharap dapat membawa Thailand lebih dekat kepada sahabat-sahabat kita di Brunei," tambah Puan Yang Terutama.

PYT turut mengongsikan, peniaga-peniaga pada bazar tersebut semuanya warganegara Thailand untuk memastikan para pengunjung merasa keaslian

makanan Thailand seperti papaya salad, miang kham, sticky rice dan Thai tea.

Tetamu kehormat seterusnya dijunjung untuk menyaksikan petak-petak pameran makanan dan minuman yang mengetengahkan makanan kegemaran rakyat di negara ini.

Bazar tersebut diadakan dengan mematuhi setiap langkah penjarakan sosial yang disarankan oleh kerajaan dengan kerjasama Pengurusan Pusat Membeli-belah OneCity.

Umur bukan penghalang untuk menyumbang



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada majlis tersebut.

TUTONG, Khamis, 31 Disember. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata bahawa kepentingan dan kedudukan warga emas telah menyuntik semangat bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk bekerja lebih keras bagi memeduli, memartabatkan dan menentukan bahawa mereka adalah permata dan kilauan yang penting khususnya dalam masyarakat.

Mereka juga untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik khususnya kepada warga-warga emas.

Yang Berhormat berucap demikian pada Majlis Pelancaran Buku dan Acara Serumpun Kasih Sehati Sejiwa yang berlangsung di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) bagi Cawangan Daerah Tutong, di sini.

Jelasnya, PKWE begitu aktif dan boleh dijadikan sebagai *role model* sekali gus menunjukkan kepada

masyarakat bahawa umur bukan satu penghalang untuk kita terus menyumbang kepada masyarakat dan terus bergiat aktif kerana kehidupan akan sentiasa berterusan.

"Jadi Ahli PKWE Tutong telah menyuntik semangat yang besar dan mereka juga membuktikan bahawa umur tidak ada penghalang untuk kita terus bergerak ke hadapan".

Selain itu, katanya, dalam menyuntik semangat Ahli-ahli warga emas, KKBS akan terus bekerjasama bersama mereka kerana mereka adalah rakan strategik yang begitu rapat dan telah memberikan sumbangan.

Majlis tersebut diselenggarakan dengan pelancaran buku Dino MN yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis tersebut dianjurkan oleh PKWE bagi Cawangan Daerah Tutong.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menerima buku karya Dino MN.

Bersama menerajui peralihan ke arah negara rendah karbon

Siaran Akhbar :
Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Perubahan iklim merupakan salah satu cabaran persekitaran yang paling genting yang sedang dihadapi dunia saat ini. Peningkatan pesat dalam pelepasan gas-gas rumah hijau (GHG) global daripada aktiviti manusia semakin meningkatkan kadar pemanasan global. Menurut laporan State of the Global Climate Report 2020 dan Emissions Gap Report 2020 yang dikeluarkan baru-baru ini, suhu global meningkat sebanyak 1.2 darjah Celsius di atas aras pra-industri dan akan terus meningkat kepada 3.5 darjah Celsius pada penghujung abad ini. Pemanasan melebihi dari 2 darjah Celsius akan menyebabkan kesan buruk kepada manusia dan sistem ekologi, termasuklah kenaikan paras laut, banjir di pesisir pantai, gelombang panas dan kekurangan air.

Perjanjian Paris adalah satu perjanjian antarabangsa bertujuan untuk mengehadkan peningkatan suhu purata global di bawah 2 darjah Celsius berbanding aras pra-industri dan dalam masa yang sama meningkatkan usaha untuk mengehadkan purata kenaikan suhu permukaan bumi kepada 1.5 darjah Celsius daripada aras pra-industri. Perjanjian tersebut mula berkuatkuasa pada 4 November 2016 dan telah

disahkan oleh 197 Negara Parti kepada United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC). Di bawah Perjanjian Paris, semua Negara-negara Parti adalah dikehendaki untuk menghadapi NDC masing-masing yang menggariskan pelan kebangsaan iklim dengan tumpuan kepada tindakan iklim yang mengandungi sasaran, dasar dan langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani perubahan iklim serta sebagai penyumbang kepada tindakan iklim global. Nationally Determined Contribution (NDC) tersebut juga merupakan satu kaedah penting bagi pelaksanaan Perjanjian Paris. Negara Brunei Darussalam (NBD) menandatangani Perjanjian Paris pada 21 September 2016 bagi menyahut seruan tindakan iklim global. Di peringkat global, pelepasan GHG NBD adalah antara yang terendah, iaitu sebanyak 0.025 peratus. Namun sebagai sebuah negara kecil dengan pembangunan di sepanjang pesisir, kerentanan dan pendedahan negara terhadap kesan akibat perubahan iklim semakin meningkat seiring dengan meningkatnya risiko-risiko perubahan iklim.

Dalam hal ini, NBD memberikan komitmen sepenuhnya dengan

memainkan peranan dalam usaha global bagi menangani isu perubahan iklim.

Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien mengumumkan bahawa NBD menyerahkan dokumen NDC kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC) hari ini. NDC negara berhasrat untuk mengurangkan jumlah pelepasan GHG sebanyak 20 peratus berbanding tahap Business-As-Usual menjelang tahun 2030. Dalam mencapai sasaran pembangunan ekonomi yang mampan, terutamanya melalui perkembangan dalam sektor perindustrian, pelepasan GHG negara dijangka akan meningkat kepada 29.5 MtCO₂e. Akan tetapi, dengan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi di bawah NDC, peningkatan ini dijangka akan dapat dikurangkan sebanyak 20 peratus menjelang tahun 2030. Pengurangan tersebut adalah berdasarkan kepada pelaksanaan strategi-strategi di dalam Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP), iaitu Strategi 1 - Pelepasan Industri; Strategi 2 -

Liputan Hutan; Strategi 3 - Kenderaan Elektrik; Strategi 4 - Tenaga Yang Boleh Diperbaharui; Strategi 5 - Pengurusan Tenaga; Strategi 6 - Harga Karbon; Strategi 7 - Pengurusan Sisa; dan Strategi 9 - Inventori Karbon.

NDC tersebut juga turut menyentuh mengenai dengan Strategi 8 - Adaptasi dan Daya Tahan Iklim dari dasar BNCCP tersebut yang menggariskan langkah-langkah bagi meningkatkan keupayaan negara dalam berhadapan dengan kesan-kesan akibat perubahan iklim. NDC tersebut seterusnya menekankan kepentingan Strategi 10 mengenai dengan Kesedaran dan Pendidikan dalam mitigasi dan adaptasi iklim, dengan mengutamakan penglibatan para belia dalam tindakan iklim. NDC ini juga turut mengejar matlamat dasar BNCCP, iaitu peralihan ke arah negara yang rendah karbon serta berdaya tahan iklim. Peralihan ini menjurus kepada pertumbuhan 'industri hijau' yang baharu, di mana akan mewujudkan peluang-peluang baharu bagi perniagaan, pelaburan, keusahawanan, perkhidmatan dan paling utama, pekerjaan 'hijau' yang baharu bagi anak-anak tempatan.

Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Tenaga, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, akan terus

memainkan peranan penting dalam memastikan strategi-strategi tindakan iklim dilaksanakan dengan berkesan dan dipantau dengan teliti.

NDC tersebut mencerminkan kesungguhan negara dalam menangani isu perubahan iklim walaupun negara pada lazimnya adalah sebuah negara minyak dan gas, dan juga di antara penyumbang pelepasan GHG global yang terendah, negara telah mempamerkan komitmen yang tinggi dalam menangani perubahan iklim di peringkat negara dengan harapan ia boleh membantu mempercepatkan pelaksanaan Perjanjian Paris.

Ini seterusnya mencerminkan kepimpinan negara dalam tindakan iklim di peringkat serantau selaku Pengerusi ASEAN 2021. Bagi pihak Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Tenaga selaku Pengerusi Bersama, menyeru semua pihak berkepentingan, termasuk orang awam, terutama sekali para belia untuk sama-sama menerajui usaha peralihan ke arah menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Tahun 2021 merupakan Tahun Tindakan Iklim bagi NBD memandangkan ia adalah tahun pelaksanaan dasar BNCCP dan juga NDC. Maklumat lanjut mengenai dengan strategi-strategi BNCCP boleh diperolehi melalui www.climatechange.gov.bn.

Penandatanganan kontrak projek sistem pemantauan



KONTRAK di antara Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan General Dynamics Mission Systems-Canada ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), JPM (tengah) bagi mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Sebagai komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan kesejahteraan serta kepentingan rakyat negara ini sentiasa terjaga, Majlis Menandatangani Kontrak Projek Sistem Pemantauan National Coastal Surveillance System berlangsung pagi tadi, bertempat di Bilik Conference East Wing 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kontrak di antara Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan (PPMK), JPM dan General Dynamics Mission Systems-Canada ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), JPM, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob bagi mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penandatanganan ini disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Jeannete Stovel.

Turut menghadiri acara berkenaan ialah Charge d'Affaires Kedutaan Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Emily Fleckner, Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Projek NCSS

serta Tim Projek NCSS.

Sebelumnya, kontrak tersebut ditandatangani di Ottawa, Kanada, pada Selasa, 15 Disember 2020 oleh David Ibbetson selaku Naib Presiden Syarikat General Dynamics Mission Systems-Canada.

Acara tersebut disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada, Tuan Yang Terutama Kolonel (B) Pengiran Haji Kamal Bashah bin Pengiran Haji Ahmad.

Projek yang mengambil tempoh 24 bulan pembinaan ini, apabila siap nanti adalah merupakan rangkaian pemantauan (*network of surveillance*) maritim negara merangkumi persisiran pantai Brunei, Teluk Brunei serta Sungai Brunei melalui pemasangan beberapa sistem pengesanan.

Keupayaan ini apabila beroperasi sepenuhnya nanti akan membolehkan pengesanan (*detection*) dan pemantauan secara berterusan (*real time surveillance*) di persekitaran maritim untuk mengetahui aktiviti-aktiviti yang berlaku di kawasan tersebut.

Sistem ini akan membantu pihak agensi kerajaan dalam menangani aktiviti yang menyalahi

undang-undang negara atau ancaman jenayah yang bersifat lokal mahupun rentas sempadan.

Di samping itu, sistem ini juga dihasratkan untuk membantu usaha dalam menangani insiden maritim seperti misi menyelamatkan atau kemalangan di air.

Keseluruhan sistem ini nanti akan berada di bawah pusat perintah dan kawalan (*command and control*) PPMK sebagai salah satu aset maklumat strategik bagi agensi - agensi penguatkuasaan Kerajaan.

Syarikat General Dynamics Mission Systems adalah merupakan sebuah syarikat kelengkapan dan perkhidmatan pertahanan keenam terbesar di dunia yang beribu pejabat di Amerika Syarikat. Syarikat ini memiliki cawangan lebih dari 70 buah negara di seluruh dunia.

Pelaksanaan projek ini akan merangkumi inisiatif bagi pemindahan pengetahuan teknikal serta pengetahuan pengurusan kepada Negara Brunei Darussalam. Ia juga beraspirasi untuk melibatkan penyertaan rakyat negara ini secara maksimal di dalam fasa pelaksanaan dan fasa operasi.

Upacara serah terima tugas



UPACARA Menandatangani Sijil Serah Terima Tugas yang kemudiannya diadakan menandakan penyerahan tugas sebagai Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) yang baharu (atas). Manakala gambar kanan, Pemerintah TLDB yang baharu memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada pegawai dan anggota TLDB.

MUARA, Khamis, 31 Disember. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Laksamana Pertama Spry bin Haji Serudi @ Seruji menerima pucuk kepimpinan daripada mantan Pemerintah Laksamana Pertama Dato Seri

Pahlawan Haji Othman bin Haji Suhaili @ Suhaily.

Sehubungan itu, Upacara Perbarisan Serah Terima Tugas Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) berlangsung di Padang Kawad, Bravo, Pangkalan Muara di sini.

Semasa tiba di Padang Kawad Bravo, mantan Pemerintah TLDB menerima tabik hormat dan memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada pegawai dan anggota TLDB. Upacara Perbarisan tersebut diketuai oleh Leftenan Komander Amiel Azim bin Haji Afflon.

Terlebih dahulu, dalam ucapan perpisahan daripada mantan Pemerintah TLDB Ke-16, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Haji Othman, di mana beliau menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga TLDB atas pencapaian, usaha dan semangat perjuangan bagi memenuhi tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Beliau juga menasihati warga TLDB untuk memperingati nilai teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan lebih menekankan kepada takwa dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan seharian bekerja serta memupuk semangat berpasukan kerana kejayaan hanya datang dengan semangat berpasukan yang tinggi.

"Saya berbangga dengan pencapaian-pencapaian signifikan yang kita kecapi lebih-lebih lagi tahap profesionalisme yang sangat tinggi. Ini dapat dilihat dengan penglibatan latihan-latihan yang semakin meningkat di antara sesama agensi-agensi tempatan mahupun bersama angkatan laut antarabangsa, antaranya pelayaran jarak jauh ke Qingdao, Republik Rakyat China, ke Busan, Republik Korea, Republik Singapura pada bulan April dan Mei 2019, juga



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menyertai latihan-latihan pelbagai hala iaitu ASEAN-US Maritime Exercise 2019 di Thailand dan yang terkini ialah pelayaran jarak jauh ke Hawaii, Amerika Syarikat bagi menyertai latihan maritim pelbagai hala terbesar di dunia, Eksesais RIMPAC 2020 di dalam misi penembakan peluru berpandu KDB DARULEHSAN," jelasnya.

Semua kejayaan ini adalah berkat usaha dan semangat juang yang tinggi yang mempamerkan kualiti dan keperkasaan warga TLDB.

Namun demikian jelasnya, kita jangan leka dan berasa puas. Kita harus berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti keupayaan dan kemantapan barisan pemimpin-pemimpin dan juga mereka yang dipimpin agar ia seirama dan senada, membentuk keharmonian dalam menangani tugas-tugas utama TLDB.

Dalam masa yang sama, mantan Pemerintah TLDB Ke-16, Laksamana Pertama Dato Seri

Pahlawan Haji Othman juga turut memberikan nasihat agar memastikan TLDB akan terus cemerlang dan mantap sebagai sebuah institusi pertahanan yang berupaya menangkis ancaman-ancaman dan melayari cabaran-cabaran dengan penuh kebijaksanaan.

Majlis diteruskan dengan Upacara Menandatangani Sijil Serah Terima Tugas yang kemudiannya diadakan menandakan penyerahan tugas sebagai Pemerintah TLDB dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Kapten Mohammad Farid bin Mohammad Raffi.

Sejurus itu, Pemerintah TLDB yang baharu menerima tabik hormat dan memeriksa kawalan kehormatan bagi menandakan penerimaan jawatan, dan kemudian menyampaikan ucapan perasmian beliau sebagai Pemerintah TLDB Ke-17.



BARISAN Kehormatan terdiri daripada pegawai dan anggota TLDB.



Mensyukuri nikmat keamanan dan kesejahteraan

Justeru, kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini tidak boleh lalai dan leka, kita wajib mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dan sentiasa menjaganya agar nikmat keamanan dan kesejahteraan di bumi Darussalam ini sentiasa berkekalan. Ingatlah, jika kita lalai dan leka atau tidak mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini, maka tidak mustahil nikmat ini akan hilang atau ditarik daripada kita pada bila-bila masa saja. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Keamanan dan kesejahteraan itu adalah kurnia dan anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang amat penting. Ini kerana tanpa adanya keamanan dan kesejahteraan, akan menyebabkan kemajuan dan pembangunan tergendala serta tidak dapat dilaksanakan. Justeru, rukun keamanan itu mustahaklah dipelihara dan dijamin, iaitu dengan memegang kuat ajaran agama Islam, mematuhi undang-undang negara dan hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Inilah rahsia

keamanan itu.

Agama Islam sangat mementingkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah dari berlakunya jenayah dan perbuatan mungkar di negara ini, antara agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju utama untuk menegakkan undang-undang itu ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sebagaimana yang kita maklum, bahawa pada hari ini, iaitu 1 Januari 2021, genaplah 100 tahun usia PPDB dan ini bermakna sudah mencecah satu abad dan ia merupakan satu jangka usia yang sangat panjang. 'Menghormati Masa Lalu, Meraikan Masa Kini, Melindungi Masa Depan' merupakan tema sambutan Sempena Penubuhan 100 Tahun PPDB pada tahun ini.

PPDB sebagai pasukan yang tertua di Negara Brunei Darussalam telah berkembang bukan sahaja sebagai penguat kuasa dalam membanteras dan mencegah jenayah tetapi juga dalam menegakkan kedaulatan dan keamanan negara. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa tugas menjaga keamanan dan kesejahteraan negara itu adalah tugas pasukan polis, akan tetapi kita janganlah menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab tersebut kepada pasukan polis semata-mata.

Oleh yang demikian, kerjasama

dan kesepakatan yang padu antara pasukan polis dan agensi-agensi penguat kuasa keselamatan, pihak-pihak yang berkepentingan dan kerjasama daripada masyarakat adalah sangat diharapkan. Kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah sama-sama berganding bahu dan membantu pihak polis dalam membanteras jenayah iaitu dengan memberi maklumat kepada pihak polis mengenai kegiatan jenayah demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah)".

Akhirnya, bersempena dengan Tahun Baharu Masihi 2021 dan bersempena kita memperingati Sambutan Hari Polis Ke-100 Tahun ini, sama-samalah berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat-Nya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran untuk kita semua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina". (Surah Ghafir, ayat 60)

Terima sumbangan wakaf



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PENGETUA Sekolah Menengah Lambak Kiri, Dayang Rosmawati binti Mohammad semasa menerima wakaf peralatan pembesar suara daripada wakil Kumpulan Meraih Berkah, Dayang Siti Mariam binti Haji Md. Jaafar (atas kiri). Sementara gambar atas, penyerahan wakaf dua unit tangki dan pam air disempurnakan oleh Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis dan diterima oleh Imam Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Zakaria.

LAMBAK KIRI, Khamis, 31 Disember. - Wakaf merupakan satu ibadah menyerahkan harta yang dimiliki untuk kegunaan umat Islam dengan niat sebagai ibadah semata-mata demi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Para ahli fiqh dan ulama berpendapat amalan wakaf merupakan ibadah yang berbentuk sedekah jariah di mana menjanjikan ganjaran pahala yang berkekalan dan ada kepada pewakaf buat selama-lamanya serta ibadah ini sangat dituntut di dalam Islam.

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud, "Perbandingan

pahala bagi orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat 100 biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui".

Sehubungan itu, dalam sama-sama meraih keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala, Kumpulan Meraih Berkah turut sama menyempurnakan sumbangan wakaf berupa dua unit tangki dan pam air, set pembesar suara serta kita-kitab rujukan hasil sumbangan ikhlas wakaf

hamba-hamba Allah yang diadakan di Dewan Sembahyang Perempuan, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri, di sini.

Penyerahan wakaf dua unit tangki dan pam air bagi kegunaan Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri disempurnakan oleh Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis dan diterima oleh imam masjid berkenaan, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Zakaria.

Sementara itu, penyerahan

wakaf berupa peralatan pembesar suara kepada Sekolah Menengah Lambak Kiri diserahkan oleh wakil kumpulan Dayang Siti Mariam binti Haji Md. Jaafar dan diterima oleh Pengetua Sekolah Menengah Lambak Kiri, Dayang Rosmawati binti Mohammad diikuti dengan penyerahan wakaf peralatan pembesar suara dan buku-buku rujukan Raudhah Al-Minhaaj, Pusat Pengajian Agama dan Al-Quran yang diterima oleh Pengasas Pusat

Al-Minhaaj, Abdul Rahman bin Haji Ajak dan masing-masing diserahkan oleh Pengiran Hajah Halijah binti Pengiran Haji Damit dan Dayang Hajah Hamidah binti Haji Ahmad.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh imam masjid berkenaan, Pengiran Haji Mohd. Salleh. Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah jemaah takbir masjid berkenaan dan warga Kumpulan Meraih Berkah.

ABDB terima alat kelengkapan makmal COVID-19



PEMERINTAH ABDB (tengah) semasa sesi bergambar ramai bersama Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (dua, kiri) pada Majlis Penyerahan Alat Kelengkapan Makmal COVID-19 berlangsung di Kompleks Perubatan Bolkiah Garison.

BOLKIAH GARISON, Rabu, 30 Disember. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji

Sahat menerima alat-alat kelengkapan makmal COVID-19 daripada Jabatan Pertahanan Kerajaan Australia melalui Pesuruhjaya Tinggi Australia

ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Tiffany McDonald, pada Majlis Penyerahan Alat Kelengkapan Makmal COVID-19, yang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

berlangsung di Kompleks Perubatan Bolkiah Garison, hari ini.

Puan Yang Terutama Tiffany McDonald mengakui usaha Brunei dalam pengurusan COVID-19 dan menyedari peranan ABDB dalam memberikan tindak balas melalui Pendekatan Whole of Nation terhadap kerangka ujian COVID-19 Brunei.

Menekankan semula lawatan kerja Puan Yang Terutama ke makmal sementara ABDB pada awal bulan lepas, beliau berharap kelengkapan baharu ini akan membantu dalam mewujudkan makmal tetap di Kompleks Perubatan Bolkiah Garison.

Pemerintah ABDB turut melahirkan rasa penghargaan dan mengalu-alukan lebih banyak hubungan dua hala di antara komuniti perubatan tentera kedua-dua negara melalui ADMM Plus Experts' Working Group in Military Medicine yang dipengerusikan bersama oleh Australia dan Brunei, pada 2020 - 2023 dan

melalui Persidangan Perubatan Ketenteraan ASEAN (ASEAN Military Medicine Conference) secara maya, yang akan diadakan pada Mei 2021, yang akan memaparkan topik-topik mengenai 'Kesiapsiagaan Pandemik'.

Pemerintah ABDB juga berharap usaha sebegini akan membuka lebih banyak peluang pertukaran dan penyelidikan kolaboratif dalam perubatan ketenteraan.

Turut hadir di majlis tersebut, Ketua Staf ABDB, Kolonel (U) Abdul Rahman bin Haji Durahman; Pengarah Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Kolonel (U) Haji Mohd. Muluddin bin Awang Haji Latif; Pengarah Jabatanarah Logistik KEMENTAH, Leftenan Kolonel Haji Abdul Kadir bin Haji Mahmud; Ketua Pegawai Perubatan ABDB, Kolonel Dr. Haji Awang Mohd. Hafizul bin Haji Awang Hassan; dan Penasihat Pertahanan kepada Suruhanjaya Tinggi Australia, Leftenan Kolonel dan Hauser.

COVID-19 : 5 kes aktif jalani rawatan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 157 orang. Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara

Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 239 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 16 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan, manakala jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 643 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 10,355 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 68 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 83,176 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Negara teruskan komitmen melaksanakan penanaman pokok

Siaran Akhbar :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Dari muka 6

Yang Berhormat juga menyatakan keperluan Jabatan Perhutanan dalam memantau semua projek pembangunan yang melibatkan penebangan pokok bagi mendukung Protokol Hijau yang akan dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan sebagai garis panduan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di dalam sektor kerajaan.

Acara diteruskan dengan sesi memanaskan badan dan seterusnya aktiviti penanaman pokok oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Berhormat Menteri Tenaga di kawasan penanaman yang dikhaskan, diikuti dengan penanaman pokok beramai-ramai oleh para jemputan yang lain.

Seterusnya, acara diteruskan lagi dengan aktiviti *brisk-walk* dan tinjauan ke zon-zon penanaman pokok terdahulu di sekitar kawasan taman tersebut.

Acara penanaman pokok sejumlah 200 pohon anak pokok yang terdiri daripada pokok-pokok jenis Tabebuia Kuning (Tabebuia Aurea), Ubah (Syzgium Myrtifolium) dan Ru Runang (Gymnostoma Nobile).

Ini adalah merupakan acara penanaman pokok yang terakhir diadakan oleh pihak KSSUP bagi penutup tahun 2020.

Selain itu, turut menyertai acara tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Datin Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Shariffuddin; Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi ke NBD; Ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan dan kakitangan dari KSSUP dan Kementerian Pembangunan, bank-bank dan syarikat-syarikat kilang papan.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	157		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (239 hari yang lalu)	16 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
643	10,355

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
68 sampel	83,176



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara semasa menyampaikan sumbangan derma kepada warga emas yang tertua tinggal di Kawasan 3 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lambak Kanan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

LAMBK KANAN, Jumaat, 1 Januari. - Seramai lapan orang warga emas yang tertua dan tinggal di Kawasan 3 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan dan tiga orang pelajar yang lulus dengan cemerlang dalam Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) 2019 dari Sekolah Rendah Dato Marsal menerima sumbangan derma daripada

penduduk-penduduk RPN Lambak Kanan.

Hadir bagi menyempurnakan sumbangan derma tersebut ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mislé bin Haji Abdul Karim dan isteri serta berlangsung di kediaman rumah Ketua Kampung Kawasan 3 RPN Lambak Kanan, Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusof.



KETUA Kampung Kawasan 3 RPN Lambak Kanan, Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusof, juga Pengerusi Majlis semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

Terdahulu pada acara tersebut, Pengerusi Majlis, Awang Haji Mahir berkata bahawa tujuan utama sumbangan derma tersebut diadakan adalah untuk menghargai warga emas kerana warga emas ini seharusnya dipandang sebagai salah satu aset penting dan bernilai khususnya di Negara Brunei



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

Darussalam.

Menurutnya lagi, warga emas merupakan nara sumber atau pakar rujukan disebabkan oleh pengalaman hidup mereka yang kaya dengan pelbagai bentuk.

"Di samping itu, warga emas *kitani* setentunya memiliki sumber

pengetahuan yang berbeza daripada apa yang *kitani* miliki, pastinya pengalaman dan pengetahuan yang mereka miliki ini boleh *kitani* memanfaatkan dan jadikan sebagai seri teladan dan panduan hidup *kitani*," ujarnya lagi pada majlis tersebut.

Bantu jana, stabilkan ekonomi negara



AWANG Md. Azmi bin Timbang dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba.



DAYANG Siti Nur Maziyyah binti Jini dari Kampung Penanjong, Tutong.



DAYANG Nur Nadirah binti Haji Umar dari RPN Kampung Lugu.



DAYANG Siti Mardina binti Masdi dari Kampung Mulaud.



AWANG Aimadudin bin Mawang dari Kampung Tanah Jambu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Januari. - Alhamdulillah kita telah melangkah ke tahun

baharu dan meninggalkan tahun 2020 dengan pelbagai peristiwa juga kenangan, baik yang manis

mahupun pahit.

Kedatangan tahun 2021 ini bakal memberi impak kepada seluruh manusia sejagat dan tidak terkecuali rakyat di negara ini yang begitu bersemangat menyambut kedatangan tahun baharu 2021 walaupun masih dalam suasana atau keadaan norma baharu.

Bagi kebanyakan orang, tahun baharu adalah masa terbaik untuk menanam azam baharu, bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk negara tercinta supaya dapat memberikan manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Bagi Awang Md. Azmi bin Timbang dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, yang ditemui baru-baru ini menyatakan bahawa azam baharunya adalah lebih kepada mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Saya berhasrat untuk menjana hasil pendapatan yang menjurus kepada pertumbuhan ekonomi, iaitu di bidang pertanian. Kesan pandemik menimbulkan pelbagai dugaan serta mempunyai hikmah-hikmah yang tertentu dan jika difikirkan kembali, ada perkara-perkara positif yang boleh dijadikan panduan pengajaran," jelasnya ketika ditemu bual Pelita Brunei.

Seperti yang beliau maklum, mengikut statistik, Negara Brunei

Darussalam masih lagi memerlukan atau bergantung hasil import dari negara-negara lain.

Oleh yang sedemikian, beliau bertekad merealisasikan azamnya demi menyahut tiga matlamat wawasan negara, iaitu rakyat yang berkemahiran dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; juga ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Sementara itu, Dayang Siti Mardina binti Masdi dari Kampung Mulaud, pula menyatakan, walaupun tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar bagi dunia yang dilanda pandemik COVID-19, beliau tetap berharap dan berazam agar tahun 2021 akan membawa sinar harapan semula kepada dunia.

"Semoga dunia akan kembali pulih dan kita pun akan dapat menjalani kehidupan harian seperti kebiasaannya. Saya juga berharap agar vaksin COVID-19 akan dapat diberikan kepada mereka yang memerlukan dan individu yang mudah dijangkiti virus tersebut," ujarnya.

Selain itu, beliau berharap agar lebih banyak peluang pekerjaan

dan perniagaan di dalam negara bagi memantapkan lagi ekonomi negara dan pada masa yang sama, akan dapat menggalakkan rakyat untuk terus menyokong kestabilan ekonomi negara memandangkan sekatan perjalanan keluar negara masih lagi dikuatkuasakan ketika ini.

Manakala azam tahun baharu 2021 bagi Dayang Nur Nadirah binti Haji Umar dari RPN Kampung Lugu pula, ingin menjadi lebih baik dan yang terbaik untuk anak-anaknya, sekali gus berdisiplin dalam menabung untuk diri sendiri juga anak-anak.

Menurutnya, beliau akan memastikan untuk menabung dan memotong mana-mana perbelanjaan yang kurang penting.

Menyentuh mengenai pembangunan negara, beliau menjelaskan, bahawa tahun 2020 banyak memperlihatkan kita semua dalam pembangunan daripada pelbagai aspek, di mana negara kita sebenarnya sudah bergerak maju ke hadapan tanpa kita sedari.

Ke muka 24

Kebenaran pelajar ke UK ditangguhkan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Berikut maklumat daripada Kementerian Pendidikan semasa Sidang Media yang diadakan pada 24 Disember 2020 mengenai penangguhan sementara kebenaran pelajar-pelajar untuk membuat perjalanan ke United Kingdom (UK), dengan itu, Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan bahawa kebenaran keluar negeri bagi pelajar-pelajar berkenaan ke UK juga akan ditangguhkan buat sementara waktu sehingga 31 Januari 2021, tertakluk kepada penilaian risiko Kementerian Kesihatan.

Ini adalah termasuk kebenaran awal pelajar-pelajar yang berhasrat untuk membuat perjalanan ke UK mengikut Penerbangan Diraja Brunei pesawat BI003, yang dijadualkan pada Sabtu, 2 Januari 2021.

Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan pengajian tertentu dan tidak ada disediakan pilihan pembelajaran (termasuk peperiksaan) secara dalam talian (*online*), di institusi pengajian masing-masing, perlulah menghadapkan permohonan terlebih dahulu ke Kementerian Pendidikan bagi mendapatkan pertimbangan khas untuk membuat perjalanan ke UK.

45 pain darah berjaya dikumpulkan



PEMERIKSAAN bagi penderma darah setelah selesai membuat pendaftaran.

BERAKAS, Khamis, 31 Disember. - Sejumlah 45 pain darah berjaya dikumpulkan semasa acara Kempen Derma Darah anjuran Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Pusat Membeli-belah Citis Square, di sini.

Menurut Pengurus Nextcloud Technologies Sdn. Bhd., Awang Hakim bin Yakob semasa ditemui Pelita Brunei berkata, kempen tersebut adalah sempena akhir tahun 2020 bagi penderma yang pernah menderma darah sebelum ini.

Tambahnya, darah yang dikumpul diharap dapat membantu untuk menambah simpanan darah yang ada pada masa ini bagi bulan Januari dan Februari tahun hadapan.

Menyentuh mengenai aplikasi

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

'BloodKad' yang digunakan oleh para penderma darah, beliau menjelaskan, ia bermula pada tahun 2017, di mana telah disokong oleh Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal, untuk diguna pakai sebagai satu cara menderma darah di Hospital RIPAS dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Terangnya lagi, respons dari orang ramai mengenai aplikasi tersebut sangat menggalakkan, di mana para penderma tidak perlu lagi menggunakan atau mengisi kertas borang seperti sebelum ini.


Dengan menggunakan aplikasi tersebut katanya, para penderma boleh mengisi borang yang disediakan dalam aplikasi 'BloodKad' terlebih dahulu.

Selain itu, ia bertujuan untuk membantu menambah tabung darah bagi keperluan sesiapa sahaja yang memerlukannya, kempen tersebut juga membantu Pusat Pendermaan Darah memenuhi misi bagi memastikan

ketersediaan bekalan darah yang selamat dan boleh dipercayai pada saat-saat kecemasan dan bila-bila masa.



PENGURUS Nextcloud Technologies Sdn. Bhd., Awang Hakim bin Yakob semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.



SUASANA para penderma darah yang menderma darah pada Kempen Derma Darah bertempat di Pusat Membeli-belah Citis Square, Berakas.

Ekonomi global dijangka menurun

Siaran Akhbar :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh tahun kedua 2020, hari ini.

Dalam Kenyataan Dasar 2/2020 itu, AMBD mengongsikan kadar pertumbuhan ekonomi global dijangka akan menurun sebanyak 4.4 peratus bagi tahun 2020.

Ekonomi domestik meningkat 2.6 peratus tahun-ke-tahun pada separuh pertama 2020. Ramalan inflasi AMBD bagi tahun 2020 kekal di dalam lingkungan 1 peratus hingga 2 peratus dengan ramalan inflasi dalam negara bagi tahun depan adalah dalam lingkungan 0 peratus hingga 1 peratus.

AMBD juga memaklumkan bahawa tahap risiko secara keseluruhan bagi sektor perbankan pada Suku Ketiga 2020 adalah lebih rendah berbanding Suku Kedua 2020. Sektor perbankan mengekalkan tahap modal dan kecairan yang tinggi serta menambah baik kualiti aset. Akan tetapi, sektor tersebut mengalami penurunan keuntungan. AMBD buat pertama kalinya menerbitkan kadar-kadar pembiayaan / pinjaman yang ditawarkan oleh industri perbankan bagi setiap suku tahunan di Laman Sesawang AMBD.

Dalam meningkatkan usaha penyeliaan sektor perbankan, AMBD mengeluarkan rangka kerja Domestic Systemically Important Bank (D-SIB). AMBD menghasilkan rangka kerja modal dan kemampubayaran (*solvency*) berdasarkan risiko bagi sektor insurans dan takaful.

Dengan sekatan perjalanan yang dikenakan untuk mengawal penularan wabak COVID-19, sektor perniagaan pertukaran wang masih teruk terjejas. Di samping pengenalan langkah sementara pada April 2020, AMBD juga mengeluarkan Notis 'Temporary Regulatory Relief Measure for Money-Changing Business' pada 15 Oktober 2020 untuk bantuan pengurangan pembayaran lesen tahunan bagi satu kali (*one-time*).

Sebagai sebahagian daripada usaha ke arah penubuhan Bursa Saham di Negara Brunei Darussalam, AMBD mengeluarkan 'Exposure Draft Listing Rules' kepada pihak berkepentingan pada hujung bulan September 2020.

AMBD mengendalikan proses konsultasi terhadap Notis 'Requirement for Payment System' untuk mendapatkan maklum balas mengenai isi kandungan notis tersebut daripada pihak-pihak yang berkepentingan, seperti pembekal-pembekal perkhidmatan pembayaran (PSPs), bank-bank, peserta-peserta FinTech Regulatory Sandbox dan syarikat-syarikat telekomunikasi (Telcos).

Langkah-langkah interim yang diperkenalkan oleh AMBD dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) pada Mac 2020 untuk pengecualian yuran dan caj pemindahan wang antara bank-bank domestik secara dalam talian meningkatkan penggunaan sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) melebihi 90 peratus tahun-ke-tahun dan Sistem Automated Clearing House (ACH) sebanyak 59.9 peratus tahun-ke-tahun bagi tempoh April hingga September 2020.

AMBD dan BAB bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengecualian yuran dan caj pemindahan dana selama enam bulan mulai dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Mac 2021.

AMBD akan terus memantau perkembangan wabak COVID-19 dan impaknya terhadap sektor kewangan. Memandangkan impak COVID-19 masih berterusan dengan perkembangan yang tidak menentu, bank-bank adalah digalakkan untuk terus memberikan bantuan kepada para pelanggan yang masih memerlukan.

Di samping usaha mempertingkatkan dan menyelaraskan rangka kerja peraturan regulatori bagi sektor kewangan yang berpandukan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik, AMBD memperluaskan lagi *macro-prudential surveillance toolkit* untuk mengurangkan risiko sistemik sektor kewangan di negara ini. Kenyataan Dasar AMBD 2/2020 yang lengkap boleh didapati di Laman Sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Negatif Kejadian Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 6 Januari 2021
2. 'Langkah Memartabatkan Tulisan Jawi'. Tarikh Tutup : 13 Januari 2021
3. 'Pendidikan Anak-anak Tanggungjawab Ibu Bapa'. Tarikh Tutup : 20 Januari 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Bantu ringankan perbelanjaan persekolahan



PENERIMA bantuan Program Hamlah Khairiyyah : Back to school 2.0 pada sesi bergambar ramai bersama Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili (berdiri, belakang, empat dari kanan), di Jalan Kuala Lurah, Kampung Limau Manis.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BENGKURONG, Rabu, 30 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa mengadakan Program Hamlah Khairiyyah : Back to school 2.0, bertempat di Jalan Kuala Lurah, Kampung Limau Manis.

Seramai 12 penerima, terdiri daripada anak-anak yatim dan pelajar daripada Sekolah Menengah Masin; juga Sekolah Rendah Rimba I yang kurang berkemampuan menerima sumbangan berupa keperluan peralatan sekolah untuk persediaan memasuki tahun persekolahan 2021 yang akan datang.

Penyerahan derma disempurnakan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,

UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

Antara tujuan program ini diadakan ialah bagi membantu meringankan beban perbelanjaan persekolahan untuk anak-anak yatim dan anak-anak yang kurang berkemampuan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, seterusnya bacaan Tahlil, dipimpin oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Haji Hambali.

Majlis tersebut merupakan kali kedua diadakan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA. Diharap sumbangan ini akan dapat membantu meringankan perbelanjaan persekolahan bagi anak-anak yatim juga keluarga mereka.

Bantu masyarakat berkeperluan : Tanda prihatin, pemedulian



PENERIMA sumbangan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.

Berita dan Foto :
Ihsan AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Seramai 10 ibu tunggal dan yang kurang berkemampuan bagi Masjid Kampung Sungai Besar menerima sumbangan berbentuk makanan asasi, pada majlis yang berlangsung di masjid berkenaan, di Kampung Sungai Besar, di sini.

Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohidin bin

Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyampaikan sumbangan berkenaan.

Sumbangan tersebut merupakan salah satu kegiatan berkebakikan sebagai tanda prihatin dan pemedulian takmir masjid berkenaan dalam sama-sama membantu masyarakat berkeperluan di kampung berkenaan.

"Kita berharap sumbangan ini menjadi pendorong kepada

masyarakat di sini untuk sama-sama memainkan peranan dalam memeduli kebajikan dan masyarakat, khususnya di kampung ini," jelas Setiausaha Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Zaini bin Haji Awang Damit.

Beliau berharap sumbangan berkenaan juga akan dapat membantu meringankan beban mereka dalam kehidupan seharian.

Majlis tersebut merupakan salah satu program yang disusun bagi meraikan sempena Hari Ulang Tahun Perasmian Masjid Kampung Sungai Besar Ke-37 Tahun.

Ahli Perpustakaan DBP Pandan sertai Demo Memasak



DEMO Memasak disertai oleh Ahli-ahli Perpustakaan DBP Pandan bersama beberapa orang ramai yang mengunjungi Pandanku Ceria.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 30 Disember. - Minat memasak boleh menjadikan seseorang menjadi tukang masak profesional.

Kemahiran memasak boleh diterokai melalui mengambil kursus masakan, selain bercita-cita untuk menjadi cef bertaraf antarabangsa.

Selubungan itu, Pandanku Ceria anjuran Persatuan Sutera Daerah Belait bersama Perpustakaan DBP Pandan meneruskan acara dengan mengadakan Demo Memasak.

Selalunya setiap tukang masak berhasrat ingin membuka restoran atau mengusahakan gerai makan berasaskan masakan kampung sebagai platform permulaan.

Demo tersebut disertai oleh ahli-ahli perpustakaan berkenaan bersama beberapa orang ramai yang mengunjungi Pandanku Ceria.

Selain itu, aktiviti jualan bazar di luar dan dalam Perpustakaan Pandanku Ceria diteruskan hingga ke sebelah petang.

Pastikan kemasukan daging halal mempunyai permit!



RAMPASAN juga melibatkan 140 paket sosej jenama Ayamas yang tidak diisytiharkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Pegawai-pegawai penguat kuasa Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU) bersama agensi penguat kuasa undang-undang dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melaksanakan operasi bersepadu di dua buah premis perniagaan berasingan yang

melibatkan *central kitchen* dan perniagaan runcit di Kampung Kapok dan Kampung Jerudong.

Melalui operasi sepadu tersebut, pihak penguat kuasa berjaya merampas daging-daging yang diragui kehalalannya, iaitu 12.095 kilogram (kg) daging kambing beku dan 14.89 kg daging sapi beku pada 29 Disember 2020.

Rampasan juga melibatkan 140 paket sosej jenama Ayamas yang tidak diisytiharkan kepada pihak JKED.

Kesemua barang rampasan dibawa ke Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES dan dijalankan siasatan lanjut oleh JKED.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES ingin menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama bagi menyalurkan dan mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan penyeludupan daging mentah melalui Hotline Bahagian Kawalan Makanan Halal, iaitu +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.



MELALUI operasi sepadu tersebut, pihak penguat kuasa berjaya merampas daging-daging yang diragui kehalalannya.

Di samping itu, orang ramai juga diingatkan bahawa setiap kemasukan daging halal ke negara ini hendaklah mempunyai kebenaran Permit Import Halal yang sah dengan mengikut proses-proses yang ditetapkan.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan kekerapan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.

Padah miliki senjata buatan sendiri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Padah memiliki senjata buatan sendiri, seorang warga asing dan penduduk tetap dihukum penjara lima tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Perantaraan di sini, hari ini.

Hakim Muhammad Faisal bin PDJLD Kol. (B) DSP Haji Kefli menjatuhkan hukuman itu terhadap Joenny Tati, 36 tahun, dan Ricky anak Kalong, 34 tahun, selepas mengaku bersalah

memiliki senjata.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas kedua-dua tertuduh bermula 28 Oktober 2020.

Mengikut fakta kes, kedua-duanya dipercayai melakukan aktiviti pemburuan haram dengan menggunakan senjata api di kawasan perhutanan Mukim Liang dan kemudiannya ditahan di dua buah lokasi berasingan pada 6 Mei 2020.

Kedua-dua tertuduh tersebut ditahan dalam satu rondaan dan pemeriksaan pencegahan jenayah oleh keanggotaan Balai Polis Labi, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di kawasan kilang papan yang beroperasi di kawasan Mukim Bukit Sawat, berikutan satu aduan yang memaparkan beberapa keping gambar kelibat dua orang lelaki yang membawa senjata api terakam pada kamera perangkap yang dipasang di perhutanan kawasan Labi pada 14 April 2020 yang lalu.

Adapun kamera perangkap tersebut dipasang adalah untuk

merakam gambar haiwan bagi tujuan kajian pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan perkara ini sudah pun mendapat permit dari Jabatan Perhutanan.

Dalam kejadian tersebut, Joenny Tati menunjukkan tempat penyimpanan senjata api miliknya yang disembunyikan di dalam hutan belakang rumah pekerja kilang dan pihak polis berjaya menemukan satu bekas guni yang dipercayai mengandungi senjata api dan peralatannya.

Manakala Ricky anak Kalong telah membakar senjata api buatannya di tempat bekas pemanggang makanan di kawasan belakang rumah pekerja



kilang. Walau bagaimanapun, pihak polis berhasil menemukan lagi senjata yang disembunyikan di kawasan belakang rumah pekerja berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hafizah binti Ahmad, manakala tertuduh diwakili Peguambela.

Musang King : Sebutan semula kes 14 Januari

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Enam warganegara tempatan yang terlibat dalam hasil aktiviti pengedaran dadah dilanjutkan tahanan reman selama dua minggu bagi membantu siasatan.

Enam defendan, terdiri daripada Jakaria bin Ahad; Siti Izzatul Munirah binti Ahmad; Mohammad Isamuddin bin Ahmad; Ahmad bin Haji Tamit; Maskunah binti Wahab; dan Mohammad Saifuddin bin Ahmad ditangkap dalam Operasi Musang King yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Perintah reman dikeluarkan oleh Pemangku Majistret Kanan Mohammad Marzuqi bin Sabtu menerusi *video conference* di Mahkamah Majistret hari ini.

Keenam-enam tertuduh didakwa di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram, di mana membawa kepada hukuman gantung hingga mati.

Dadah seberat 18.9943 kilogram Methyamphetamine dijumpai di belakang sebuah rumah di Jalan Junjongan, Kampung Limau Manis, manakala dadah seberat 532.44 gram Methyamphetamine pula ditemui disimpan di dalam botol berhampiran kawasan kediaman yang sama.

Pemangku Majistret Kanan, Mohammad Marzuqi juga menetapkan sebutan semula kes akan diperdengarkan lagi pada 14 Januari 2021, jam 2.00 petang.

Pendakwaan tertuduh dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff dan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman, sementara Roy Prabhakaran dan Haji Daud bin Ismail mewakili pihak defendan.

Akibat dadah

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman denda BND1,500 atau tiga bulan penjara ke atas seorang wanita warganegara Indonesia atas kesalahan dadah.

Pemangku Majistret Kanan Mohammad Marzuqi bin Sabtu juga menetapkan tempoh bayaran denda tersebut sehingga 1 April 2021.

Widaningsih, 37 tahun, didakwa bagi satu pertuduhan di bawah Seksyen 6(b) memakan

dadah terkawal.

Suspek ditahan oleh Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) di kawasan letak kereta Restoran GK, Kampung Jerudong, pada 24 November 2020 dan seterusnya diserahkan ke pejabat BKN bagi ujian air kencing.

Setelah dianalisis, hasil ujian air kencing suspek didapati positif mengandungi dadah jenis 'A' Methyamphetamine, iaitu Syabu.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Sofimah binti Ramlee di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Dipenjara kerana kereta curi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman 18 bulan penjara di Mahkamah Majistret hari ini.

Hukuman yang diperintahkan mulai 12 Disember 2020 ke atas defendan itu dijatuhkan oleh Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid.

Mohammad Rusyduddin bin Ramli (defendan), 30 tahun, didakwa secara tidak jujur menyimpan harta curi, iaitu sebuah kereta Toyota Super

Kijang berwarna putih lalu menjual kereta tersebut kepada rakannya di Ban 3, Kampung Kilanas.

Dalam fakta kes, defendan mengetahui dan mempercayai kereta tersebut adalah kereta curi, di mana defendan telah menemui seorang lelaki bernama 'J' di sekitar Bank Islam Brunei Darussalam di Cawangan Serusop.

'J' menawarkan untuk menjual kereta tersebut dengan harga BND600 kepada rakan defendan dan mengarahkan defendan untuk

membawa kereta berkenaan kepada rakannya.

Dalam pada itu, Majistret Dewi Norlelawati menjatuhkan hukuman ke atas defendan bukanlah baharu dalam sistem pengadilan jenayah.

Defendan sebelum ini telah dijatuhkan hukuman atas kesalahan berkaitan curi pada Jun 2020.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Sabrina binti Haji Mahmud di bawah Seksyen 411 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Menelusuri sejarah penubuhan Batalion Kedua TDDB



ISTIADAT Pengurniaan Panji-panji Diraja dan Panji-panji Pasukan pada 27 Mei 1978.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Januari. - Pada 2 Januari 1975, Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB) terus berkembang dengan penubuhan Batalion Kedua bertempat di prasarana sementara di Kem Bolkiah.

Penubuhan Batalion ini diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Indera Mejar Pengiran Dato Setia Ibnu bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong.

Batalion Kedua AMDB pada

asalnya diambil dari Kompeni B dan Kompeni E, Batalion Pertama AMDB di bawah pemerintahan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua AMDB yang pertama pada ketika itu, Leftenan Kolonel Dato A.E. Hibbert.

Batalion ini secara rasminya telah berpindah ke Perkhemahan Tutong sekarang pada 10 Mei 1976 di mana Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Husin bin Ahmad telah menjadi anak watan yang pertama selaku Pegawai Pemerintah Batalion ini.

Kini, Batalion Kedua AMDB dikenali sebagai Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (2Bn TDDB) dan telah menelusuri pelbagai kemajuan dan perkembangan daripada segi kekuatan anggota, keupayaan, kelengkapan dan dalam pelbagai bidang ketenteraan selaras dengan perkembangan semasa.

Batalion ini juga mempunyai kawasan tanggungjawab yang merangkumi sekitar Daerah Tutong dan terlibat secara langsung dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekuriti dan kebajikan di daerah tersebut.

Sejak penubuhannya, batalion ini dipimpin oleh pegawai-pegawai kanan yang berkaliber yang telah memegang jawatan kepimpinan utama dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).

Di antara pegawai-pegawai kanan yang banyak membantu dalam pembentukan batalion ini ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Husin, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohammad Jaafar bin Haji Abdul Aziz, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok



WARNA bagi Batalion Kedua.

Dato Seri Paduka Haji Abidin, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampoh dan Brigedier Jeneral Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Mereka ini telah menetapkan piawaian yang tinggi dan secara amnya menjadi inspirasi bagi generasi baharu TDDB, termasuk anggota-anggota di Batalion Kedua melalui komitmen berterusan dan pengorbanan tulus yang dicurahkan.

Batalion ini aktif dalam menjalani pelbagai latihan dan eksesais di dalam dan luar negeri yang dikendalikan oleh ABDB seperti Eksesais Hikmat Bersatu, Eksesais Perisai Kebangsaan, Eksesais Setia Bersama dan Eksesais Semangat Waja.

Manakala eksesais dua hala telah menjulang nama baik TDDB ke persada dunia seperti Eksesais Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) bersama United States Marine Corps, Eksesais Pahlawan Warrior bersama United States Army Pacific,

Eksesais Mallee Bull bersama Tentera Darat Australia, Eksesais Latma Keris Sakti bersama Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Darat, Eksesais Maju Bersama dengan Tentera Darat Republik Singapura serta Eksesais Mertak Bersatu dan Eksesais MALBRU/BRUMAL bersama Tentera Darat Malaysia.


Eksesais-eksesais ini amatlah penting dalam memperkukuhkan hubungan diplomatik ketenteraan dan meningkatkan pengetahuan dan pengalaman anggota daripada segi taktik, teknik dan prosedur ketenteraan serta mendorong inovasi dalam menangani ancaman semasa dan cabaran kontemporari.

Sebagai salah satu daripada tiga buah batalion infantri di Negara Brunei Darussalam, Batalion Kedua TDDB ini akan terus memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin, memberikan bantuan dan pertolongan kepada masyarakat melalui operasi yang berkaitan dengan bencana alam dan mengekalkan jalinan kerjasama yang erat bersama semua *stakeholders* selaras dengan pendekatan Whole-of-Nation.



UPACARA Menaikkan Bendera yang pertama bagi Batalion Kedua di Perkhemahan Tutong pada 9 Mei 1976 (kiri), sementara gambar kanan, bangunan Headquarters Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei pada tahun 1976.

RPPI menurun 3.9 peratus pada suku ketiga 2020



Siaran Akhbar dan Infografik :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi suku ketiga (Q3) 2020.

Indeks tersebut dihasilkan dengan data yang diperoleh dari bank-bank di NBD dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).

Pada Q3 2020, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 3.9 peratus tahun-ke-tahun kepada 91.7 berbanding dengan Q3 2019, dan peningkatan sebanyak 8.4 peratus berbanding dengan suku kedua (Q2) 2020.

Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperoleh dari bank-bank, sebanyak 182 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada Q3 2020 berbanding dengan 115 transaksi pada Q2 2020.


Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (53.9 peratus); diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (19.2 peratus); rumah teres (17.0 peratus); pangsapuri (6.0 peratus); dan tanah (3.9 peratus).

Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh Q3 2020 adalah BND240,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 7.7 peratus berbanding dengan Q3 2019 dan peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding dengan Q2 2020.


Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND266,500; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND248,000; bagi rumah teres adalah BND208,800; bagi pangsapuri adalah BND215,000; dan bagi tanah adalah BND152,000.

Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk antara lain kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.

Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di Laman Sesawang



AMBD www.ambd.gov.bn ke semasa melalui akaun
Maklumat terkini mengenai RPPI Instagram AMBD di
juga akan dikeluarkan dari semasa @autoriti_monetari.



Balai Pameran Taman Warisan Tasek Merimbun ditutup sementara

Siaran Akhbar :
Jabatan Muzium-Muzium Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa Balai Pameran di Taman Warisan Tasek Merimbun, Tutong akan ditutup sementara waktu bagi melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan.

Walau bagaimanapun, Taman Kulimambang dan denai-denai penerangan masih dibukakan untuk pengunjung mengikut jadual pembukaan pelan *de-escalation* tahap 4 bagi muzium-muzium juga galeri, di bawah kawalan Jabatan Muzium-Muzium, iaitu setiap Selasa hingga Khamis, Sabtu dan Ahad, di antara jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Taman Warisan Tasek Merimbun telah diisytiharkan sebagai sebuah Taman Warisan ASEAN, pada 29 November 1984 dan kompleks yang ada pada masa ini dirasmikan pada tahun 2000.

Selain daripada menjadi tempat beriadah, Taman Warisan Tasek Merimbun sering kali dikunjungi para penyelidik dari dalam dan luar negara bagi mempelajari fauna juga flora, yang terdapat di taman warisan tersebut.

Beberapa spesies endemik ditemui, seperti sejenis labah-labah yang dinamakan sempena tempat ia diperoleh, iaitu *mallinella merimbunensis*.

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Taman Warisan Tasek Merimbun, bolehlah melayari Laman Sesawang Jabatan Muzium-Muzium, www.museums.gov.bn atau melalui e-mel info@muzium.gov.bn.

Pertemuan semula eratkan lagi hubungan



DALAM mengeratkan lagi hubungan silaturahmi yang sudah sedia terjalin, seramai 25 bekas penuntut Tingkatan 4B dan 5B Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, iaitu pada tahun 1970 dan 1971 mengadakan Majlis Pertemuan Semula (Reunion).

Berita dan Foto :
Ihsan Bekas Penuntut Tingkatan
4B, 5B Maktab SOAS

JERUDONG, Khamis, 31 Disember. - Dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahmi yang sudah sedia terjalin, seramai 25 bekas penuntut Tingkatan 4B dan 5B Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, iaitu pada tahun 1970 dan 1971 mengadakan Majlis Pertemuan Semula (Reunion) yang diadakan di Hotel Star Lodge,

Jerudong, baru-baru ini.

Majlis tersebut juga bertujuan untuk meraikan Ulang Tahun Jubli Emas kumpulan berkenaan dan merupakan satu platform bagi memperkukuhkan lagi jalinan persahabatan antara bekas-bekas pelajar yang sememangnya sudah terjalin semenjak zaman persekolahan lagi.

Acara pertemuan semula tersebut merupakan kali ketujuh ia diadakan di mana acara pertama kali diadakan pada tahun 2014. Acara tersebut juga diserikan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dikhususkan kepada empat orang rakan kelas yang telah meninggal dunia.

Majlis Pertemuan Semula ini sudah dirancang lebih awal namun akibat penularan penyakit pandemik COVID-19 yang melanda Negara Brunei Darussalam pada awal tahun ini menyebabkan majlis tersebut ditangguhkan.

Mantan ahli, pemimpin pengakap adakan pertemuan



BEKAS Ahli-ahli dan Pemimpin-pemimpin Pengakap Veteran pada sesi bergambar ramai pada Majlis Pertemuan Semula (Reunion) yang diadakan di sebuah restoran di Jerudong.

Berita dan Foto : Ihsan Hamdanajib Domeng

JERUDONG, Rabu, 30 Disember. - Seramai 30 orang bekas Ahli-ahli dan Pemimpin-pemimpin Pengakap Veteran mengadakan Majlis Pertemuan Semula (Reunion) yang diadakan di sebuah restoran di Jerudong.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah mantan Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; mantan Naib Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Dato Matnoor; dan mantan Setiausaha Agung PPNBD, Awang Haji

Duming bin Haji Abdul Wahab.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tahlil buat ahli-ahli dan pemimpin pengakap yang telah kembali ke rahmatullah yang dipimpin oleh Awang Haji Matzin bin Haji Awang. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Pada majlis tersebut, beberapa orang bekas dan pemimpin Pengakap Veteran, antaranya Dato Paduka Ar. Haji Idris, Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad dan beberapa orang Pengakap Veteran yang lain turut menceritakan pengalaman sepanjang bergiat di

dalam pergerakan pengakap, di mana menurut mereka, pengalaman dalam berpengakap banyak membantu mereka berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing.

Dalam pertemuan semula itu, jelas kelihatan kegembiraan dan kemesraan yang selama ini terjalin semasa di dalam pasukan pengakap.

Pertemuan semula bekas ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin persekutuan tersebut menjadi satu kenangan manis yang sukar dilupakan sepanjang hayat, di mana mereka akan merancang untuk menyatukan lagi lebih ramai dalam kalangan yang pernah menyertai pergerakan pengakap sejak penghujung tahun 50-an sehingga kini.

Lebih 5 kilogram Syabu dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Atas bantuan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, di Pos Kawalan Kampung Bebuloh, Biro Kawalan Narkotik (BKN) menerima penyerahan seorang warga tempatan, lelaki, berusia 35 tahun dan seterusnya ditahan kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

Hasil pemeriksaan ke atas suspek, kenderaan dan kediamannya menemukan beberapa bungkusan plastik dalam paket teh yang berisi ketulan hablur, dipercayai dadah jenis Syabu, dadah Kelas 'A', melebihi 5 kilogram dan dianggarkan mempunyai nilai pasaran melebihi BND1 Juta.

Rampasan signifikan lain yang dipercayai hasil daripada aktiviti pengedaran, termasuk sejumlah wang tunai melebihi BND7,500, sebuah kereta dan beberapa telefon bimbit.

Tangkapan tersebut masih dalam siasatan, di bawah beberapa kesalahan seperti berikut :

Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan mengedar dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100 gram membawa kepada hukuman gantung hingga mati; Seksyen 6(b) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal; Seksyen 3 Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012, iaitu atas kesalahan membersihkan wang haram.

BKN ingin memberikan amaran bahawa tindakan membawa masuk dadah haram yang sengaja disembunyikan dalam pelbagai bentuk dan bungkusan akan sentiasa menjadi perhatian pihak berkuasa.

BKN juga ingin menegaskan, rangkaian-rangkaian pengedar dadah di negara ini, termasuk juga mana-mana pihak yang bekerjasama dengannya, sama ada secara langsung atau pun tidak, akan terus dijejek untuk dibawa ke muka pengadilan.

Dengan siri kejayaan ini, BKN ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di negara ini atas bantuan kerjasama dalam memerangi kegiatan penyeludupan, khususnya aktiviti pengedaran dadah haram, di negara ini.



SEJUMLAH wang tunai melebihi BND7,500 merupakan antara rampasan signifikan lain yang dipercayai hasil daripada aktiviti pengedaran tersebut.

Pupuk gaya hidup berhemat, elak pembaziran

Berita dan Foto : Aimi Sani



DAYANG Hajah Sarimah binti Mohd. Yussof dari Kampung Lambak Kanan ketika ditemu bual.



AWANG Haji Muhd. Najib bin Haji Ibrahim dari Kampung Mata-Mata ketika ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Perbelanjaan memainkan peranan yang sangat penting bagi setiap individu untuk

menjalani kehidupan seharian.

Segep lapisan masyarakat perlu berjinat cermat untuk memastikan mereka memupuk

gaya hidup berhemat berkait rapat dengan sifat berjimat cermat dan tidak membazir iaitu mengikut keperluan dan kemampuan diri sendiri, keluarga dan bukan semata-mata didasari oleh kemahuan dan keinginan.

Individu atau pengguna yang sentiasa berjimat cermat dan mengambil berat untuk menabung, menyimpan atau melabur adalah pengguna yang bijak menguruskan perbelanjaan dengan baik mengikut kemampuan.

Awang Haji Muhd. Najib bin Haji Ibrahim, 36, dari Kampung Mata-Mata ketika ditemui baru-baru ini berkata bahawa antara langkah utama dalam menjalankan perbelanjaan dengan cara berhemat ialah hendaklah mencatat barang-barang yang perlu dibelanjakan sahaja.

"Hal ini penting supaya tidak terlebih belanja daripada apa yang sepatutnya. Contohnya kepada ibu bapa yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam, pada ketika ini sudah setentunya menerima bonus haruslah mementingkan

perbelanjaan kelengkapan persekolahan anak-anak dahulu sebelum yang lainnya. Selain itu, disarankan turut menyimpan perbelanjaan pada waktu-waktu kecemasan seperti kereta rosak, keperluan perubatan dan sebagainya," ujar beliau lagi.

Perkara yang sama turut dikongsi oleh Dayang Hajah Sarimah binti Mohd. Yussof, 54 dari Kampung Lambak Kanan berkata bahawa memandangkan dalam keadaan ekonomi sekarang, janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan atau boros sehingga membazir. Keutamaan berbelanja perlulah diberikan kepada barang-barang yang diperlukan sahaja.

Menyentuh mengenai amalan budaya menabung atau tabiat berbelanja berhemat terangnya, hendaklah diterapkan dari peringkat awal lagi dalam kalangan generasi muda.

Sudah menjadi tanggungjawab terutama sekali bagi ketua-ketua keluarga untuk mempersiapkan dana simpanan untuk keperluan diri dan keluarga pada masa hadapan.

Ini dapat membantu kita apabila

menghadapi situasi kecemasan atau keperluan yang mendesak, seperti perbelanjaan bagi masalah kesihatan, tanpa perlu meminta-minta bantuan dari orang lain ataupun berhutang, bak kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'.

Dalam konteks ini, tambahnya lagi, para ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memupuk sikap suka menabung kepada anak-anak sejak kecil lagi dan mereka harus menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan perbelanjaan yang berhemat dan sikap suka menabung.

Kesimpulannya, kita perlu sentiasa beringat-ingat bahawa membazir itu adalah salah satu amalan syaitan dan kita hendaklah menjauhkan diri daripada sikap tersebut.

Di sinilah peri pentingnya membuat keputusan pembelian yang didasari pendapat dan kemampuan. Hakikatnya bijak berbelanja dan berbelanja secara berhemat dapat membentuk kita untuk menjadi pengguna yang bijak, berekonomi, beretika dan berkeperibadian.

AITI lancar Brunei CyberShop Fest 2021



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) secara rasminya melancarkan Brunei CyberShop Fest 2021 melalui platform *eKadaiBrunei.bn*, perkhidmatan e-Dagang di mana penjual tempatan khususnya akan menawarkan promosi dan potongan harga menarik bagi pelbagai produk dan perkhidmatan bermula 1 Januari sehingga 28 Februari 2021.

eKadaiBrunei.bn merupakan inisiatif AITI bagi menyokong penjual e-Dagang dan mendorong perniagaan tempatan untuk mengambil bahagian dalam platform membeli-belah dalam talian serta memperluaskan lagi

Siaran Akhbar dan Infografik : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

jangkauan pelanggan-pelanggan mereka.

Inisiatif ini juga merupakan salah satu tindak balas yang bertepatan masanya iaitu dalam membantu memudahkan lagi aktiviti ekonomi tempatan antara peniaga dan pengguna khususnya semasa wabak pandemik COVID-19.

CyberShop Fest 2021 akan disertai oleh 13 penjual e-Dagang tempatan iaitu AV Electronics, Beaute Pratique, BruEcom, Buycour, Community for Brunei, DSTINCOMM, FS Apothecary,

GoMamam, HeyDomo, Kitsu Models Hobby Shop, Letsbuy, Nimanja dan Weelago.

Penjual-penjual ini akan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan mulai daripada bahan makanan, perabot, produk kosmetik, pakaian, peralatan dapur dan lain-lain.

Membeli-belah dalam talian membantu mempromosikan transaksi tanpa tunai khususnya dalam kalangan masyarakat kita yang pada amnya lebih selamat dan selesa.

AITI berharap promosi

Pengembalian semula perkhidmatan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Berikutan dengan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dengan ini memaklumkan mengenai pengembalian semula Perkhidmatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu untuk beroperasi semula di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu yang akan bermula pada Isnin, 4 Januari 2021 Masihi bersamaan 20 Jamadilawal 1442 Hijrah.

Sementara itu, Perkhidmatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak bagi Pusat Kesihatan Berakas adalah masih dikekalkan buat sementara waktu di lokasi yang dinyatakan ini iaitu bagi Perkhidmatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Pusat Kesihatan Berakas yang beralamat Tingkat 5, Blok 2G, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping dan beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu iaitu dari jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang kecuali Hari Kelepasan Awam.

Oleh yang demikian, orang ramai yang berada di bawah tadahan Pusat Kesihatan Berakas yang telah pun menerima pesanan teks melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) mengenai perjanjian bagi Klinik Kesihatan Ibu dan Anak di Pusat Kesihatan Berakas adalah dikehendaki untuk masih menghadiri perjanjian tersebut di Tingkat 5, Blok 2G, Kondominium Ong Sum Ping.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

Pusat Kesihatan Berakas

Bil.	Perkhidmatan	Lokasi perkhidmatan:
		Tingkat 5, Block 2G Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping
1.	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	Waktu Beroperasi: Isnin – Khamis & Sabtu (kecuali hari kelepasan awam) 7:45 pagi – 12:15 tengah hari 1:30 petang – 4:30 petang

ini dapat mendorong penjual tempatan kita untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang serupa dengan yang ditawarkan oleh platform membeli-belah dalam talian serantau atau global.

AITI juga mendorong

orang ramai untuk mengambil kesempatan untuk menikmati pengalaman membeli-belah yang ditawarkan oleh penjual e-Dagang tempatan kita. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati laman media sosial di AITI Brunei dan <http://www.ekadaibrunei.bn>.

Sentiasa peka aspek keselamatan kebakaran

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ingin menarik perhatian orang ramai mengenai aspek-aspek keselamatan kebakaran yang melibatkan kebakaran kereta, di mana masih dalam tahap yang membimbangkan.

Mengikut statistik yang direkodkan oleh JBP bagi tahun 2019 dan 2020 (Januari hingga 29 Disember), di mana bagi tahun 2019, sejumlah 89 panggilan diterima dan daripada jumlah tersebut, dua orang mangsa cedera dan tiada mangsa maut dicatatkan. Bagi tahun 2020, sejumlah 87 panggilan diterima dan tiada mangsa cedera atau maut

direkodkan.

Kategori punca utama kebakaran kereta yang dikenal pasti adalah seperti masalah mekanikal yang melibatkan kerosakan komponen mekanikal; kebocoran hos minyak atau saluran di komponen kenderaan; dan penyambungan yang longgar (*loose connection*).

Kesalahan dan kecuaiannya manusia (Human Error & Negligence) seperti kurang pengetahuan dalam pemilihan alat ganti komponen kereta; membiarkan enjin kenderaan dalam keadaan hidup; dan kebakaran perunan yang ditinggalkan lalu melarat ke kawasan letak kereta.

Masalah elektrik / pendawaian dalam kereta seperti kerosakan komponen sistem elektrik di dalam enjin; kerosakan bahagian pendawaian sistem; kerosakan bahagian ABS (Anti-Lock Braking System); kerosakan kotak fuis di dalam enjin; dan kerosakan akibat pengubahsuaian yang diselenggara sendiri tanpa ada pengetahuan mengenainya.

Bukan itu sahaja, hentakan kuat daripada kemalangan dan sampah yang dibakar dan perunan yang ditinggalkan lalu melarat juga boleh mengakibatkan kebakaran kereta.

Sehubungan dengan itu, JBP ingin menyarankan kepada orang ramai untuk lebih peka dalam mengetahui aspek keselamatan kebakaran bagi menghindarkan kejadian kebakaran atau kemalangan kereta dari berlaku dengan menghentikan sebarang

Perbandingan Statistik Kebakaran Kereta bagi tahun 2019 dan tahun 2020 (Jan - 29 Dis)			
TAHUN	JUMLAH PANGGILAN	CEDERA	MAUT
2019	89	2	-
2020 (Jan-29 Dis)	87	-	-

pengubahsuaian terhadap reka bentuk asal kenderaan dan tidak membuat pengubahsuaian sistem pendawaian elektronik dengan sembarangan tanpa mengikut spesifikasi asal kenderaan serta kemampuan enjin berkenaan.

Selain itu, memastikan pemeriksaan sistem pendawaian elektrik, enjin dan sistem bahan api serta alat-alat mekanikal kenderaan diselenggarakan oleh mekanik yang bertauliah dengan bertujuan untuk mengesan sebelum terjadinya sebarang kerosakan atau kebocoran pada kenderaan; dan sentiasa mengambil langkah berhati-hati

dalam mendapatkan alat ganti kenderaan agar ia adalah sesuai dan selamat serta lulus untuk digunakan.

Seterusnya, jangan meninggalkan harta benda di dalam kenderaan, terutama sekali yang boleh menyebabkan kebakaran seperti *power bank* dan sebagainya dan apabila berada di stesen minyak, pemandu mestilah mematikan enjin kenderaan dan tidak menyalakan api atau rokok serta tidak menggunakan telefon bimbit semasa sedang mengisi minyak kerana minyak kenderaan adalah bahan yang mudah terbakar.

Berazam dapatkan keputusan cemerlang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad



AWANG Md. Asna Danial bin Md. Amirul, 10 tahun.



AWANGKU Mohd. Jihad Rafiuddin bin Pengiran Haji Sumadi, 10 tahun.



AMPUAN Ameerah Tw'aadda Shaqurrah binti Ampuan Mohammad Adi Maswardy, 9 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Januari. - Tahun 2020 bakal meninggalkan kita dengan seribu peristiwa dan kenangan, baik yang manis mahupun yang pahit juga akan muncul pula Tahun Baharu 2021 dan lazimnya apabila bakal munculnya tahun baharu, pastinya banyak perkara yang akan kita lakukan disertakan azam masing-masing dan yang pastinya juga persiapkan, terutama sekali dari segi persekolahan anak-anak.

Dalam temu bual Pelita Brunei baru-baru ini bersama beberapa anak-anak cilik mengenai persiapan kelengkapan sekolah mereka di tahun baharu nanti, rata-rata mereka bersedia dan

menanam azam untuk belajar dengan rajin dan lebih tekun.

Menurut Awang Md. Asna Danial bin Md. Amirul, 10 tahun, dari Perpindahan Mengkubau, buku-buku, alat perkakas dan pakaian sekolah sudah lengkap disediakan untuk sesi persekolahan tahun hadapan.

Awang Md. Asna Danial yang akan menuntut di Tahun 6, pada tahun hadapan, juga mempersiapkan diri dari segi fizikal dan mental untuk menghadapi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) di tahun 2021.

Menurutnya lagi, beliau berasa teruja untuk berjumpa bersama

rakan-rakan sekelas dan guru-guru yang akan mengajar subjek-subjek baharu nanti.

Beliau, seterusnya berazam untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan PSR nanti.

Sementara itu, bagi Awangku Mohd. Jihad Rafiuddin bin Pengiran Haji Sumadi, 10 tahun, dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan, juga berazam untuk mempersiapkan diri pada tahun hadapan menjelang Peperiksaan PSR supaya mendapat keputusan cemerlang sebagai hadiah kepada kedua ibu bapa beliau.

Awangku Mohd. Jihad

Rafiuddin, yang akan menuntut di Tahun 5C, pada 2021 nanti, berkata, barang-barang kelengkapan sekolah, seperti buku *workbook* baharu, beg sekolah baharu, kasut / baju sekolah baharu sudah tersedia, namun jika sekiranya masih ada peralatan tulis yang boleh digunakan, maka akan diguna pakai di tahun hadapan.

Seperti Awang Md. Asna Danial, Awangku Mohd. Jihad Rafiuddin juga tidak sabar untuk berjumpa kawan-kawan sekolah nanti.

Menyentuh mengenai perbelanjaan barang-barang sekolah, Awangku Mohd. Jihad Rafiuddin menjelaskan, ibu dan bapa beliau tidak berkira dalam perbelanjaan sekolah kerana yang penting ialah ia berpatutan.

Manakala, bagi Ampuan Ameerah Tw'aadda Shaqurrah binti Ampuan Mohammad Adi Maswardy, 9 tahun, dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri, bersyukur kerana akan memulakan Tahun 5 di sekolah baharu, iaitu di Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan.

"Sebelumnya saya bersekolah di Sekolah Al-Falah, Sungai Akar, di mana saya sangat bersyukur kerana pengetahuan pelajaran bahasa Arab sudah dipelajari sejak awal lagi, jadinya ia tidak asing lagi bagi saya. Ini akan sedikit sebanyak membantu saya dalam mempersiapkan diri saya untuk melanjutkan pembelajaran saya ke Sekolah Persediaan Arab, Bandar

Seri Begawan, pada tahun depan ini," jelasnya lagi.

Seperti tahun sebelum ini, tambahnya, semenjak bapa beliau meninggal dunia, ibu Ampuan Ameerah seorang saja yang akan menguruskan urusan persekolahan mereka lima beradik.

"Saya bersyukur kerana dikurniakan seorang ibu yang tabah, penyayang dan rajin bekerja keras demi menyara kami adik-beradik. Seperti tahun sebelumnya, ibu akan menyediakan kira-kira dan *checklist* untuk perbelanjaan juga pembayaran sekolah buat kami lima beradik, di mana kesemua kami bersekolah di sekolah swasta tahun ini dan sebelumnya," ujarnya lagi.

Menurutnya lagi, perbelanjaan persekolahan untuk mereka bukanlah sedikit bagi setiap seorang dan beliau amat bersyukur juga berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana menyumbangkan sumbangan perbelanjaan sekolah, iaitu Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim seperti kami, kerana ia sedikit sebanyak dapat membantu dalam perbelanjaan persekolahan.

"InsyaaAllah, azam saya pada tahun baharu ini akan belajar lebih tekun dan rajin juga saya ingin membuatkan ibu saya berasa gembira dan bangga kerana kejayaan seorang anak itu datangnya daripada seorang ibu yang penyayang," jelasnya lagi.

Tanam semangat untuk terus maju



AWANG Iqbal Irsyaduddin bin Mohd. Sofian Mulyadi, 12 tahun.



DAYANG Nur Pheysa Adryanna binti Pawira, 12 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Januari. - Penggal pertama persekolahan bagi tahun 2021 akan bermula pada 4 Januari ini, namun bagi pelajar yang baru sahaja masuk ke peringkat sekolah menengah, sesi pembelajaran biasanya akan bermula beberapa hari kemudian.

Para pelajar yang berjaya meraih kecemerlangan dalam Peperiksaan

Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pastinya akan terus menanamkan semangat untuk terus maju ke hadapan dan mempunyai azam untuk belajar dengan tekun lagi demi meraih kejayaan pada masa hadapan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei sempat menemu bual dua orang pelajar Tahun 7, di mana kedua mereka ini memperoleh keputusan

yang membanggakan dalam PSR tahun ini, iaitu 5 'A', baru-baru ini.

Awang Iqbal Irsyaduddin bin Mohd. Sofian Mulyadi, 12 tahun, akan terus melanjutkan pelajarannya di Sekolah Arab Rimba memandangkan kebanyakan mata pelajaran yang dipelajarinya adalah aliran bahasa Arab.

"Azam saya di tahun baharu yang akan datang ini, insyaaAllah adalah untuk terus meningkatkan rasa cinta dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, saya mempunyai harapan untuk meningkatkan ilmu, bukan sahaja ilmu dunia, tetapi ilmu akhirat agar dapat terus menjadi pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat," jelasnya.

Manakala Dayang Nur Pheysa Adryanna binti Pawira, 12 tahun, berkata, azam tahun baharu ini adalah untuk lebih bersungguh-sungguh meningkatkan pengetahuan dalam setiap bidang atau subjek sekolah yang dipelajari.

Menurutnya, cabaran yang akan dihadapi juga sudah pasti dari segi persekitaran dan mata pelajaran yang akan dipelajari.

Beliau juga berasa yakin mampu

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

membuat perubahan dari segi cara pemikiran, meningkatkan usaha dan memperbaiki diri juga lebih berkeyakinan bagi membuat persediaan menduduki Peperiksaan Student Progress

Examination (SPE) nanti.

Dayang Nur Pheysa Adryanna akan terus bersekolah di St. John's, Kuala Belait dan pembelajarannya selama setahun nanti akan dibiayai oleh sekolah berkenaan.



PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PSR
RECRUITMENT

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 **PSC.BN**



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN PERTAHANAN



PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

No Tawaran :
JPPK / LTN / 19 / 2020

Tajuk Tawaran :
PROPOSED NEW ADMIN BLOCK
AT STORE SUB-DEPO,
LOGISTIC DEPO,
BOLKIAH GARRISON

TARIKH TUTUP :
Selasa, 19 Januari 2021,
tidak lewat jam 2.00 Petang

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PEGAWAI TUGAS- TUGAS KHAS TINGKAT II [B.2 EB.3] 2020/0050/01	UNIT PENGURUSAN STRATEGI DAN KABINET, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	9 JANUARI 2021
02.	PEGAWAI KESEJAHTERAAN JIWA PERKLINIKAN [B.2 EB.3] 2020/0052/01	JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN	1	7(A)	9 JANUARI 2021
03.	PENGAJI DENGAR [M.11] 2020/0051/17	KEMENTERIAN KESIHATAN	1	7(A)	9 JANUARI 2021
04.	PSIKOLOGI [B.2 EB.3] 2020/0052/03	JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN	2	7(A)	11 JANUARI 2021
05.	TIMBALAN JURUUKUR AGUNG [KUMPULAN 2] 2020/0051/11	JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	1	38(A)	11 JANUARI 2021
06.	JURUTERA KERJA KANAN [KUMPULAN 2] 2020/0052/02	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	38(A)	11 JANUARI 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN



TAWARAN TERBUKA MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR

BILANGAN TAWARAN
MOE / LTK / 49 / 2020 / 2021
[JPK - DIS - 2020]

KETERANGAN
TAWARAN TERBUKA MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR
BAHAN-BAHAN
ALAT BANTU MENGAJAR BAGI
PROJEK RINTIS PENGAJARAN
KURIKULUM BERINTEGRASI
BAHARU (INC) TAHUN 1
KE JABATAN PERKEMBANGAN
KURIKULUM, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN
2020 / 2021

TARIKH TUTUP DAN WAKTU
12 JANUARI 2021
[Tidak lewat jam 2.00 petang]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

No Tawaran :

JPPK / LTN / 20 / 2020

Tajuk Tawaran :

PROPOSED NEW STAFF ROOM
AND RENOVATION WORKS TO
ROYAL BRUNEI NAVAL BASE
PRIMARY SCHOOL

TARIKH TUTUP :

Selasa, 19 Januari 2021,



tidak lewat jam 2.00 Petang,

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : III, IV & V SAHAJA
KATEGORI :
[KA01 & M03 SAHAJA]

BILANGAN :

JKR / DWS / 020 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL UNTUK 3
TAHUN BAGI KERJA-KERJA
OPERASI DAN PEMELIHARAAN
LOJI RAWATAN AIR LAYONG

TARIKH TUTUP



TAWARAN PADA :
26 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNANJABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN

Bil. Projek :

JKP / 01 / 2021

Nama Projek :

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR
DAN PERUMAHAN AM -
MERAGANG PERPINDAHAN /
SKIM PERUMAHAN NEGARA
KG MERAGANG KERJA TANAH
& INFRASTRUKTUR
PEMBENTUNGAN UTAMA LOGI
& RAWATAN STAGE 2,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa, 19 Januari 2021,



Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :

JKR / DTS / 53 / CQS / 2020 - T / VI

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
DAN MENAIKTARAF
BANGUNAN MUZIUM BRUNEI
DAN BANGUNAN PAMERAN
SECARA MENYELURUH

TARIKH TUTUP :

26 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI

JAM 2.00 PETANG

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERIPERHATIAN BAGI
PENENDER-PENENDER:

pada Khamis, 1 Januari 2021.

1. BORANG tawaran bolehlah didapati
di Unit Perbekalan Tingkat Bawah,
Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan,
Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, semasa
waktu bekerja sahaja.

2. Bayaran dokumen tawaran berharga
BND2.00 (tidak dikembalikan) bagi
setiap borang. Pembayaran bolehlah
dibuat di Kaunter Pembayaran
Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah,
Jabatan Pentadbiran Am dan
Kewangan, Ibu Pejabat Polis Diraja
Brunei pada waktu bekerja iaitu Isnin
hingga Khamis dari jam 8.00 pagi
hingga 11.30 pagi dan 2.00 Petang
hingga 3.00 Petang dan Sabtu dari jam
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.

3. Tarikh terakhir mengambil borang

4. Tarikh tutup menghantar borang pada
Isnin, 18 Januari 2021, Jam 10.00 Pagi
dan tawaran yang lewat diterima tidak
akan dilayan.

5. Borang sebut harga yang lengkap
hendaklah dihantar ke Peti Sebut Harga
di Tingkat Bawah Ibu Pejabat Polis
Jalan Tungku. Tawaran-tawaran lelong
mestilah menggunakan sampul surat yang
lengkap dan tertutup dengan tulisan /
Bilangan dan nama tawaran tanpa
menunjukkan identiti penender.

6. Tarikh melihat motorsikal berkenaan
ialah pada 11 hingga 13 Januari 2020
(waktu bekerja), Jam 8.00 Pagi hingga
11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00
Petang. Bertempat di Kawasan Lapang
Penempatan Kenderaan Bahagian
Pengangkutan dan Bengkel, Jabatan
Logistik Pasukan Polis Diraja Brunei.

BIL	BIL. SEBUTHARGA	KETERANGAN HARTA BENDA	JENAMA	JUMLAH	HARGA INDIKASI
1	002/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9730	BMW 850R	1	\$300.00
2	003/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9778	BMW 850R	1	\$100.00
3	004/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9703	BMW 850R	1	\$960.00
4	009/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9733	BMW 850R	1	\$960.00
5	010/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9751	BMW 850R	1	\$960.00
6	011/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9754	BMW 850R	1	\$960.00
7	012/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9755	BMW 850R	1	\$960.00
8	014/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9758	BMW 850R	1	\$400.00
9	017/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9762	BMW 850R	1	\$960.00
10	018/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9763	BMW 850R	1	\$960.00
11	019/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9768	BMW 850R	1	\$960.00
12	020/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9770	BMW 850R	1	\$960.00
13	021/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9771	BMW 850R	1	\$960.00
14	022/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9772	BMW 850R	1	\$960.00
15	024/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9775	BMW 850R	1	\$960.00
16	025/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9777	BMW 850R	1	\$960.00
17	026/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 9780	BMW 850R	1	\$960.00
18	028/HQ/2020-T (LELONG)-R	Motorsikal BG 187	BMW 850R	1	\$250.00

JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKANKENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PENDIDIKAN
KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN1. BIL. SEBUT HARGA :
DCCE / LPS / KW / 3 (1) - RQ

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
PERALATAN SUKAN
BAGI LATIHAN
DI BAWAH UNIT
PERKEMBANGAN
DAN LATIHAN SUKAN

2. BIL. SEBUT HARGA :
DCCE / LPS / KW / 3 (2)

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
PERALATAN SUKAN UNTUK
ACARA PENCAK SILAT,
OLAHRAGA, BADMINTON,
FUTSAL DAN BOLA JARING,



BAGI PERKEMBANGAN DAN
LATIHAN SUKAN,
URUSETIA MAJLIS SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
TAHUN 2020

TARIKH TUTUP :

20 JANUARI 2021
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN
SEBUT HARGA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.1 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
PENGENDALIAN
LATIHAN DALAMAN
(IN-HOUSE)
PROGRAM PENINGKATAN
KEMAHIRAN
DAN KAPASITI KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI
(MOFE - P2K2): "EMOTIONAL
INTELLIGENCE"
UNTUK
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI SERTA
JABATAN-JABATAN DI
DALAMNYA BAGI
TAHUN 2021 DAN 2022.

2. Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.2 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
PENGENDALIAN
LATIHAN DALAMAN
(IN-HOUSE)
PROGRAM PENINGKATAN
KEMAHIRAN
DAN KAPASITI KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI
(MOFE - P2K2): "INTENSIVE
COMMUNICATION SKILLS
TRAINING PROGRAMME"
UNTUK
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI SERTA
JABATAN-JABATAN DI



DALAMNYA BAGI
TAHUN 2021 DAN 2022.

3. Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.3 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
PENGENDALIAN
LATIHAN DALAMAN
(IN-HOUSE)
PROGRAM PENINGKATAN
KEMAHIRAN
DAN KAPASITI KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI
(MOFE - P2K2): "EFFECTIVE
CUSTOMER SERVICE TRAINING
PROGRAMME"
UNTUK
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI SERTA
JABATAN-JABATAN DI
DALAMNYA BAGI
TAHUN 2021 DAN 2022.

Tarikh Tutup :
tidak lewat dari jam 2.00 Petang,
Sabtu, 9 Januari 2021



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 021 / 2020

KETERANGAN :
DESIGN AND BUILD OF
CHEMICAL STORAGE,
ENVIRONMENTAL AND LIFE
SCIENCES,
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
Selasa, 12 Januari 2021,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
(19) JPM / ITEG / 2 / AGN / 2020

TAJUK TAWARAN :
TO REPAIR AND
SERVICES EXISTING
VIDEO CONFERENCE SYSTEM AT
THE PRIME MINISTER'S OFFICE

Tarikh Tutup :
Rabu, 6 Januari 2021



[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR

1. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM034 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
PADA BANGUNAN
UNDANG-UNDANG DAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH
(JKR NO. 2381),
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. PROJEK :
2020DBSBM / JKN.02

2. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM035 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
PADA BANGUNAN MAHKAMAH
BESAR BRUNEI DAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH (JKR NO.2399),
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. PROJEK :
2020DBSBM / JKN.03

3. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM039 / 2020



NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
KUSHION GETAH BERBUIH
LATEX FOAM
KELAS III UNTUK JABATAN
KERJA RAYA BRUNEI / MUARA,
TUTONG DAN TEMBURONG
BAGI TEMPOH 12 BULAN

NO. PROJEK :
2020DBSBM / JKR.06

TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. BIL. TAWARAN :
KK / 189 / 2020 / 2021 / MOH (TC)
KETERANGAN :

THE PROVISION OF FOOD
AND DRINK VENDING MACHINES
SERVICE AT DEWAN AL AFIAH,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE (3)
YEARS
YURAN TAWARAN : BND10.00

2. BIL. TAWARAN :
PHARM / 190 / 2020 / 2021
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND30.00

3. BIL. TAWARAN :
PHARM / 191 / 2020 / 2021
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND10.00

4. BIL. TAWARAN :
PHARM / 192 / 2020 / 2021
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND10.00

5. BIL. TAWARAN :
PHARM / 193 / 2020 / 2021
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE



DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND10.00

6. BIL. TAWARAN :
PHARM / 194 / 2020 / 2021
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND10.00

7. BIL. TAWARAN :
PHARM / 195 / 2020 / 2021
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND30.00

TARIKH TUTUP :
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
12 JANUARI 2021

Dalami kepentingan falsafah Halalan Thayyiban

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Kursus Eksekutif Halal (Halal Executive Course) akan diadakan kali kedua yang dianjurkan secara kolaborasi bersama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH).

Kursus berkenaan ditawarkan kepada semua golongan masyarakat, terutama sekali kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam industri halal dan pengusaha makanan tempatan.

Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh ketika ditemui berkata, kursus diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap pemahaman masyarakat mengenai prinsip halal haram, sekali gus menyalurkan informasi berkaitan dengan industri halal tempatan dan ia sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang berpotensi untuk menjadi sebuah negara hab global pilihan bagi produk dan perkhidmatan halal.

Sebelum ini, jelasnya, fokus halal hanya tertumpu kepada makanan sahaja kerana makanan merupakan salah satu aspek utama dalam kehidupan dengan mengambil makanan halal merupakan suatu kewajiban yang perlu dititikberatkan bagi penganut



PENGARAH Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh ketika ditemu bual.

agama Islam khususnya dan masyarakat umum.

Katanya, dengan berasaskan makanan Halal dan Thayyiban, manusia akan membesar dalam persekitaran yang baik dan sihat.

Akan tetapi pada masa ini, terangnya, aspek halal tidak terhad tentang makanan sahaja, namun ia sudah berkembang menjadi isu global yang melibatkan semua aspek termasuk makanan, produk dan juga perkhidmatan yang menepati kehendak Syariah.

Beliau menjelaskan ada beberapa kajian telah dibuat dan dapatan menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap makanan halal adalah rendah. Ini disebabkan oleh kekurangan pendedahan tentang konsep Halalan Thayyiban yang sebenar.

Tambahnya, seperti yang diketahui, pelbagai polemik semasa berlaku dalam industri halal seperti penyelewengan dalam penyembelihan, penyalahgunaan logo halal, penipuan produk dan

seumpamanya.

Justeru, menyedari kepentingan kursus ini, PPHT akan memupuk dan menyemai kefahaman halal terhadap peserta kursus untuk memastikan konsep Halalan Thayyiban difahami dan dipraktikkan sebagai cara hidup yang berpanjangan.

Adapun antara objektif kursus ini diadakan, antaranya memberikan pengenalan secara terperinci mengenai halal dan haram serta membantu para pengusaha makanan halal dan orang awam untuk mendalami tentang kepentingan falsafah Halalan Thayyiban untuk difahami serta dipraktikkan sebagai cara hidup, di samping sebagai pendedahan mengenai peraturan undang-undang yang berkaitan dengan industri halal di NBD.

Beliau juga menjelaskan, pada Kursus Halal Eksekutif yang lepas, PPHT juga menerima respons yang sangat baik dan penyertaan yang menggalakkan daripada pengusaha makanan halal tempatan.

Oleh itu, tambahnya, PPHT mengadakan lagi kursus ini, di mana ia secara umumnya bertujuan untuk memberikan kefahaman yang sebenar kepada masyarakat dan pengusaha tempatan selaras dengan usaha agresif NBD sebagai negara Islam yang bergerak ke arah membangunkan kepelbagaian ekonomi yang berdaya saing dan mapan.

Pihak penganjur mengehendkan kepada seramai 30 penyertaan dengan kadar bayaran sebanyak BND150.

Pendaftaran peserta adalah berdasarkan *First-Come-First-Serve* dan sekarang masih lagi dibukakan sehingga 7 Januari 2021 ini.



HALAL EXECUTIVE COURSE

Wednesday

06 Jamadilakhir 1442H / 20th January 2021M

8.00am - 4.30pm

L1.3 Training Room, UNISSA

FACILITATOR :
Assoc. Prof. Dr Nurdeng Deuraseh
Director of Halalan Thayyiban Research Centre

REGISTRATION :
21st December 2020 - 7th January 2021
Fees : \$150.00 (Including Book)

LIMITED FOR 40 PARTICIPANTS
"First come-first serve basis"

To Register Please Scan

For Registration & Information, please contact:
Centre for Leadership and Lifelong Learning
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 147, Jalan Pasar Baharu
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

Halalan Thayyiban Research Centre
In collaboration with
Centre for Leadership and Lifelong Learning

Pemakanan sihat bantu lindungi daripada NCDs

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Disember. - Kehidupan yang sihat memerlukan pemilihan makanan yang seimbang dengan jumlah yang tepat, di samping gaya hidup yang aktif.

Amalan pemakanan yang sihat seharusnya bermula dari rumah sejak peringkat awal lagi supaya ia akan terus menjadi kebiasaan apabila meningkat dewasa.

Di samping itu, pendedahan

mengenai pemakanan sihat dalam kalangan generasi muda dapat membantu mendidik mereka memahami akan kepentingan pemakanan seimbang dalam kehidupan seharian.

Dalam jangka masa panjang, amalan berkenaan akan memberikan manfaat kesihatan, termasuk mengurangkan risiko berat badan berlebihan atau obesiti yang dapat menimbulkan

pelbagai penyakit.

Pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran, termasuk pisang, nanas, sawi dan bayam adalah digalakkan dalam amalan gaya hidup sihat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan pengambilan sekurang-kurangnya 400 gram atau lima sajian buah-buahan dan sayur-sayuran setiap hari bagi mengurangkan risiko Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Diseases - NCDs) juga membantu memastikan pengambilan serat harian yang cukup.

Pengambilan dapat ditingkatkan, antaranya dengan mengambil sayur-sayuran di setiap hidangan dan membiasakan diri memakan pelbagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran.

Selain itu, cara penyediaan makanan juga dapat diubah bagi mengawal pengambilan lemak dengan mengukus atau merebusnya.

Orang ramai juga disarankan untuk mengehendkan makanan yang dipanggang dan digoreng juga makanan ringan, seperti kek dan biskut.

Pemakanan yang sihat membantu melindungi kita daripada kekurangan zat makanan juga NCDs, seperti kencing manis, penyakit jantung, strok dan kanser.



PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia menyarankan pengambilan sekurang-kurangnya lima sajian buah-buahan dan sayur-sayuran setiap hari.

Bantu jana, stabilkan ekonomi negara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Dari muka 12

"Untuk tahun 2021 ini, teruskan berbelanja di negara sendiri kerana ia mampu membantu negara untuk menjana ekonomi dan menstabilkan ekonomi negara. Selain itu, teruskan untuk memperbanyakkan lagi aktiviti, seperti yang diadakan di musim cuti persekolahan ini agar negara sentiasa meriah," tambahnya.

Lembaran tahun baharu bukan sahaja memberikan harapan dan kebahagiaan, tetapi dengan tahun baharu kita belajar untuk mengikhlaskan yang berlalu untuk melangkah ke hadapan.

Demikian yang dinyatakan oleh Dayang Siti Nur Maziyyah binti Jini dari Kampung Penanjong, Tutong ketika ditemui Pelita Brunei.

Menurutnya lagi, kerjasama yang erat, penglibatan dan komitmen yang berterusan daripada masyarakat adalah diperlukan bagi mendukung Wawasan Brunei 2035 dalam mempertingkatkan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan juga pembangunan infrastruktur dan kualiti hidup yang tinggi.

Bagi Awang Aimadudin bin Mawang dari Kampung Tanah Jambu pula, azamnya untuk tahun 2021 ialah menjadi orang yang lebih baik lagi, dari segi menjaga kesihatan fizikal dan mental, lebih positif, lebih yakin diri juga menyayangi diri sendiri.

Katanya, apabila COVID-19 ini sudah berakhir di seluruh dunia nanti, beliau ingin meneruskan pengembaraannya melancong untuk menikmati keindahan dan keunikan yang ada di negara-negara lain.

"Menyentuh mengenai perkembangan negara pula, alhamdulillah pada tahun ini, banyak kemajuan sudah dicapai oleh negara, contohnya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang memudahkan kita untuk menyeberang masuk ke Daerah Temburong dan diharap orang ramai akan dapat menjaga jambatan berkenaan agar terpelihara," ujarinya.

Untuk *frontliners*, tambahnya, terima kasih kerana bertungkus-lumus menjaga keamanan rakyat agar dijauhi daripada wabak COVID-19 yang pernah merebak di negara ini.

Selain itu, perkembangan yang sangat ketara ialah pada tahun hadapan negara akan menjadi tuan rumah ASEAN SUMMIT 2021 dan ia diharap akan berjalan dengan lancar juga menjadi contoh kepada negara-negara lain.

SUMUS hulur sumbangan bantuan



PENYERAHAN bantuan yang dikendalikan oleh Sukarelawan Mukim Sengkurong (kiri dan kanan).

SENGKURONG, Khamis, 31 Disember. - Sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Sukarelawan Mukim Sengkurong (SUMUS), hari ini persatuan tersebut menyerahkan derma bantuan kepada Awang Haji Johara bin Haji Daud yang ditimpa musibah kebakaran

rumah di Kampung Lampaki, Mulaut.

Penyerahan tersebut diserahkan oleh Pengerusi SUMUS, Awang Haji Abdullah bin Haji Timbul.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Ketua Kampung Mulaut, Awang Haji Meramit bin Haji Saban dan

beberapa Ahli Jawatankuasa Tetap (AJKT) SUMUS.

SUMUS juga menyampaikan derma kepada keluarga Allahyarham Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak, salah seorang AJKT SUMUS yang telah kembali ke rahmatullah baru-baru ini.

Berita dan Foto : Ihsan Sukarelawan Mukim Sengkurong

Penyerahan bantuan diserahkan oleh Ketua Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan SUMUS, Awang Haji Amat bin Haji Anggas.

Turut hadir, AJKT SUMUS dan Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Haji Kharul bin Haji Lakat.

Dikehendaki perbaharui Pas EES

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Sebagai susulan kepada beberapa siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai dengan pelaksanaan Caj Perkhidmatan (CaP) oleh Jabatan Kastam dan

Eksais Diraja (JKED); dan juga siaran akhbar Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) berkenaan dengan pengeluaran Pelekat Pas Kenderaan Daftar Luar Negara ke atas kenderaan-kenderaan luar negara yang telah mendapat

kebenaran JKED untuk menetap di Negara Brunei Darussalam (NBD), dan kenderaan-kenderaan luar negara yang memasuki negara ini bagi tujuan pengangkutan barangan pertanian, agrimakanan dan perikanan dengan kebenaran dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), JKED ingin memaklumkan bahawa bermula Jumaat, 1 Januari 2021, mana-mana kenderaan pendaftaran asing yang berada di negara ini dan belum mempunyai Pas Exit Entry System (EES) atau Pas EES yang telah mansuh adalah dikehendaki untuk mendapatkan dan memperbaharui kebenaran import sementara bagi kenderaan melalui EES.

Dalam hubungan ini, mana-mana kenderaan pendaftaran asing yang berada di NBD tanpa mendapatkan Pas EES adalah menjadi kesalahan di bawah Bab 154 Perintah Eksais 2006 dan jika sabit kesalahan, pemandu atau pemilik boleh dikenakan denda tidak melebihi BND16,000 atau penjara tidak melebihi lapan bulan atau kedua-duanya, dan cukai penuh kenderaan akan dikenakan berdasarkan kepada penilaian kastam.

Tatacara untuk mendapatkan dan memperbaharui Pas EES adalah seperti berikut : pemohon, iaitu pemandu kenderaan berkenaan hendaklah mendaftar melalui laman sesawang Exit and Entry System di alamat

<https://login.bdnsw.gov.bn/ees>.

Pemohon seterusnya hendaklah membuat pilihan perjalanan, iaitu bagi perjalanan satu hala, pembayaran CaP bagi setiap orang bagi setiap pos kawalan ialah BND3.

Manakala bagi perjalanan ulang-alik, pembayaran CaP bagi setiap orang bagi setiap pos kawalan ialah BND6.

Seterusnya, pemohon perlulah mengisi maklumat kenderaan serta maklumat peribadi pemohon dan seterusnya membuat pembayaran CaP. Tempoh kebenaran import sementara bagi kenderaan akan dikeluarkan selama tiga bulan.


Manakala bagi pemohon yang sudah membuat pembayaran awal

ulang alik atau sekiranya pemohon belum berhasrat untuk membuat perjalanan keluar dari NBD sebelum tamat tempoh Pas EES, adalah dikehendaki juga untuk mendapatkan dan memperbaharui kebenaran import sementara bagi kenderaan pendaftaran asing yang berada di negara ini.

Tatacara berkenaan akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa mengikut situasi wabak COVID-19 di dalam negara serta di peringkat serantau dan global.

Untuk sebarang maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JKED, Kementerian Kewangan dan Ekonomi menerusi talian +673 2382361 atau +673 8323741 pada waktu pejabat atau melalui e-mel info@customs.gov.bn.

CARTA ALIRAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN IMPORT SEMENTARA BAGI KENDERAAN BERPENDAFTARAN ASING YANG BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA SITUASI PANDEMIK COVID-19



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Berkumpul bersama keluarga erat silaturahmi



MAJLIS-MAJLIS santai, seperti Barbeku (BBQ) dan mengadakan acara makan malam di restoran-restoran menjadi pilihan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di antara ahli keluarga dan saudara terdekat juga sahabat handai, iaitu semasa cuti persekolahan hujung tahun ini (kanan dan atas).

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di antara ahli keluarga dan saudara terdekat serta sahabat handai, sudah semestinya banyak keluarga telah mengambil kesempatan semasa cuti persekolahan hujung tahun ini untuk mengadakan majlis-majlis

santai, seperti Barbeku (BBQ) dan mengadakan acara makan malam di restoran-restoran yang menjadi pilihan.

Majlis seumpamanya biasa dibuat pada hari terakhir di penghujung tahun, iaitu pada tarikh 31 Disember.

Memandangkan sempadan negara masih lagi ditutup, sudah

tentu banyak keluarga yang mengadakan majlis perkumpulan buat kali terakhir di penghujung tahun sebelum suasana kehidupan kembali normal apabila masing-masing sibuk dengan kerja dan anak-anak kembali semula ke sekolah.

Sememangnya acara tersebut diadakan kerana institusi keluarga adalah saluran asas dalam pembentukan sikap, nilai murni dan integriti seseorang individu dalam melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan



dinamik.

Ia juga merupakan salah satu wadah untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua ahli keluarga dan dirancang bagi menghasilkan satu platform semangat muhibah antara keluarga dan saudara yang lain.

Ada juga acara seperti ini diisikan dengan aktiviti meriah yang meliputi keroohanian dan permainan.

Acara diadakan adalah untuk memberikan ruang pengisian masa

cuti persekolahan hujung tahun untuk melakukan aktiviti yang bermanfaat, di samping dapat meluangkan masa sekali sekala bersama ahli keluarga dan sanak saudara.

Dengan adanya acara berkenaan, ia akan dapat mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan adik-beradik dan saudara terdekat, sekali gus dapat memantapkan lagi institusi kekeluargaan yang sedia ada.

Buku Planner tingkat kreativiti

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Khamis, 31 Disember. - Kelebihan menggunakan Buku Planner dapat membantu menyusun kerja dan tugas dengan lebih efektif dan terancang serta teratur bagi mencatat peristiwa sebelum dan sesudah dan banyak lagi.

Buku Planner bukan sahaja bermanfaat untuk mencatat pelbagai tugas, temu janji dan perancangan, malah ia juga dijadikan tempat menyimpan informasi, pelbagai hal penting dan tempat yang paling mudah untuk merujuk apabila memerlukannya.

Di samping membantu mengatur dan memantau tanggungjawab, ia juga dapat digunakan untuk pelajar, penjawat awam, dan siapa sahaja, terutama bagi yang memiliki jadual kerja yang padat.

Buku Planner berukuran A5, penjilidan dawai adalah yang paling digemari kerana isi terlihat lebih rata dan dapat dibawa ke mana-mana dengan mudah.

Penting memiliki Buku Planner kerana ia dapat membantu mencatat idea-idea bermanfaat pada projek pekerjaan yang sedang dikerjakan.

Pengamal Buku Planner, terutama pekerja di bidang kreatif sangat perlu untuk mengekspresikan idea atau cadangan melalui gambar, simbol, dan membuat tindakan dengan mudah.

Kini, seiring dengan perkembangan teknologi, Buku Planner terdapat dalam pelbagai bentuk, termasuk dalam bentuk

digital, namun Buku Planner dapat dimanfaatkan sebagai alternatif ketika merasa jemu atau tidak nyaman dengan menulis idea-idea di telefon pintar atau tablet.

Jadikan Buku Planner tempat untuk menyimpan catatan tentang

apa yang telah dibuat, bagaimana ketika mengerjakannya dan bagaimana hasilnya, ia juga menjadi berharga bagi tujuan dan pencapaian.

Dengan menggunakan Buku Planner, rancangan apa pun pasti akan lebih mudah direalisasikan kerana Buku Planner akan membantu dalam membentuk setiap rancangan.



BUKU Planner bukan sahaja bermanfaat untuk mencatat pelbagai tugas, temu janji dan perancangan, malah ia juga dijadikan tempat menyimpan informasi, pelbagai hal penting dan tempat yang paling mudah untuk merujuk apabila memerlukannya.

Kecurian kabel jejaskan aktiviti perniagaan, perekonomian

Siaran Akhbar :
Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi
Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Disember. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) ingin menjelaskan mengenai beberapa kejadian yang melibatkan kecurian kabel tembaga telekomunikasi.

Sejak Julai 2020, Syarikat Unified National Network Sdn. Bhd. (UNN) mengalami lebih dari 100 kes kecurian kabel yang mengakibatkan gangguan terhadap perkhidmatan telekomunikasi dan juga internet di antaranya di Mukim Lumapas, Kampong Ayer dan kawasan-kawasan sekelilingnya.

Kesan daripada kecurian kabel tersebut juga menjejaskan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perekonomian serta boleh menjejaskan keperluan orang ramai menghubungi perkhidmatan kecemasan.

AITI ingin mengingatkan orang ramai bahawa mana-mana orang dengan sengaja memindahkan, membinasakan atau merosakkan sebarang pemasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi adalah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 49(1) Perintah Telekomunikasi, 2001 dan hendaklah apabila sabit kesalahan boleh dikenakan satu denda yang tidak melebihi dari BND50,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak

melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Dan di bawah Seksyen 49(2), mana-mana orang yang menjalankan sebarang kerja tanah, merosakkan atau membiarkan sebarang kabel suatu sistem telekomunikasi dirosakkan yang dipunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen sistem telekomunikasi, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari BND1 juta, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, Seksyen 50 Perintah Telekomunikasi, 2001 menyatakan mana-mana orang yang memindahkan, membinasakan atau merosakkan, sama ada dengan sengaja, cuai, secara kebetulan ataupun selainnya, pemasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi hendaklah bertanggung jawab untuk membayar pampasan di atas kerosakan yang telah dilakukan olehnya.

Sehubungan dengan itu, AITI meminta kerjasama orang ramai yang mendapati sebarang aktiviti mencurigakan seumpamanya supaya membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Rentetan sepanjang tahun 2020

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

SIRI KEDUA

PADA keluaran yang lalu, kita telah pun catatkan sebahagian peristiwa yang berlaku di sepanjang bulan Januari hingga Jun 2020.

Kali ini, sebahagian lagi peristiwa yang berlaku di sepanjang bulan Julai hingga Disember 2020.

Semoga tahun 2020 yang baru meninggalkan kita dapat memberikan pengajaran, tauladan serta kenangan yang berguna kepada kita dan seterusnya meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam mengharungi Tahun Baharu 2021.

Korporat baharu : Syarikat Print Plus Sdn. Bhd. (Print Plus)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Sektor percetakan negara kini menandakan sebuah pencapaian yang baharu dengan revitalisasi Jabatan Percetakan Kerajaan (JPK) yang dijadikan entiti korporat baharu dinamakan Syarikat Print Plus Sdn. Bhd. (Print Plus).

Bermula 1 Julai 2020, kesemua perkhidmatan percetakan yang sebelumnya di bawah kawalan JPK dipindahkan kepada Print Plus, iaitu sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd. (Darussalam Assets). Dengan adanya transformasi ini, Print Plus akan menjadi sebuah syarikat percetakan yang beroperasi penuh secara komersial dengan tujuan untuk menampung keperluan percetakan tempatan dan di rantau ini.

Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menamakan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong sebagai Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam titah baginda sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-74, Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi. Jambatan yang merupakan 'lambang kemodenan' terunggul bagi Negara Brunei Darussalam telah pun digunakan sebagai kemudahan yang dinanti-nanti.

'Lambang kemodenan' telah mengingatkan baginda kepada siapa yang dinobatkan sebagai 'Arkitek Brunei' dan telah memberi inspirasi kepada baginda untuk menamakannya dengan nama Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Penubuhan Autoriti Petroleum NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Autoriti Petroleum Negara

Brunei Darussalam sebagai badan teknikal kepada Kementerian Tenaga untuk memantau operasi minyak dan gas, termasuk mengawal selia sektor haluan dan hiliran pada titah baginda sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-74, Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi.

Ini sehubungan dengan loji penapisan minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar yang telah pun mula mengeksport minyak yang dihasilkan. Baginda berharap projek yang berskala besar ini dapat menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekali gus meningkatkan peluang-pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

SKN berkuat kuasa hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Sistem Kebajikan Negara (SKN) iaitu satu sistem secara *online* yang menyejajarkan proses permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam mula berkuat kuasa hari ini. Sistem secara dalam talian (*online*) itu digunakan untuk membuat permohonan BKB yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta Agihan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi Asnaf Fakir dan Miskin.

Pasar Kitani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Ogos. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dengan kolaborasi bersama Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) secara rasminya melancarkan 'Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani', iaitu sebuah program yang akan memberikan platform alternatif bagi memasarkan hasil produk pertanian para pengusaha dan peladang tempatan dalam usaha untuk mengukuhkan lagi sektor pertanian di negara ini.

Aktiviti jualan program ini juga dapat diakses secara dalam talian melalui aplikasi 'Ta-Pow'. Orang ramai boleh mendapatkan khidmat penghantaran terus melalui aplikasi tersebut. Program ini diadakan setiap Ahad, bermula dari jam 6.00 hingga 11.00 pagi.

KDB DARULEHSAN cipta sejarah

HAWAII, Ahad, 6 September. - Kapal Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) Kapal Diraja Brunei (KDB) DARULEHSAN menandakan titik penting dalam sejarah apabila berjaya melancarkan peluru berpandu MM40 BII EXOCET di Pacific Missile Range Facility (PMRF), Hawaii, dalam siri Live Firing 'Sinking Exercise' (SINKEX) semasa menyertai Eksesais RIMPAC 2020.

Dengan pencapaian ini, KDB DARULEHSAN berjaya mencapai kemampuan operasi sepenuhnya dalam semua aspek di mana kejayaan ini juga dicapai oleh KDB DARUSSALAM dan KDB DARULAMAN semasa latihan penembakan peluru berpandu semasa Eksesais RIMPAC 2014 lalu.

Graduan Bersepadu mula beroperasi, jalankan 5 perniagaan berbeza

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 September. - Projek Julangan Titah Graduan Bersepadu memulakan perkhidmatannya, hari ini, di Kampung Jaya Setia, Perpindahan Berakas, yang diurus tadbir dan dijalankan sepenuhnya oleh 53 graduan tempatan.

Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Memulakan Perkhidmatan Graduan Bersepadu, berlangsung di Sajian Graduan, dihadiri oleh Menteri-menteri Kabinet dan Orang-orang Berkedudukan Khas.

'Musang King' lumpuhkan bisnes dadah keluarga terbesar

LIMAU MANIS, Rabu, 16 September. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada 10 September 2020 lalu membuat serbuan secara serentak terhadap tiga buah rumah berasingan, di Jalan Junjongan, Kampung

Limau Manis, yang dipercayai mempunyai rangkaian pengedaran dan aktiviti penyalahgunaan dadah.

Operasi yang dinamakan 'Musang King' itu berjaya menahan seramai 13 orang warga tempatan kerana disyaki terlibat dengan aktiviti pengedaran. Tangkapan kali ini merupakan serbuan yang menghasilkan rampasan dadah, wang dan harta benda terbesar pernah dicatatkan oleh BKN.

Berkenan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi RKN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Kali Pertama bagi Tahun 2020.

Berangkat sama ke mesyuarat tersebut, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Tamu Mingguan 1K1P, Daerah Tutong dilancarkan

TUTONG, Khamis, 24 September. - Tamu Mingguan Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Daerah Tutong diwujudkan sebagai hab rangkaian perniagaan 1K1P dan platform ke arah memperluaskan peluang perniagaan yang mampu menyumbang kepada perkembangan kemajuan Produk 1K1P 'Progress Development' yang lebih kondusif dan efektif.

Majlis Pelancaran Tamu Mingguan 1K1P, Daerah Tutong disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Bangunan Pasar Sayur-Sayuran, Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, di sini.



Dari muka 27

Negara buat kali pertama sertai dunia mencerap bulan

TUTONG, Sabtu, 26 September. - Kira-kira 100 Ahli Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) mengadakan acara memerhatikan bulan sempena Malam Memerhati Bulan Sedunia (International Observe the Moon Night - InOMN) di Warisan Puk Balaban, Kampung Bukit Udal, di sini. Acara tersebut merupakan aktiviti komuniti bagi menggalakkan orang ramai memerhati bulan suku pertama pada malam tersebut.

Pengeluaran mata wang BND10,000 diberhentikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 September. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan bahawa mulai 16 Rabiulawal 1442H bersamaan 2 November 2020M, AMBD akan memberhentikan pengeluaran mata wang denominasi BND10,000 kepada semua bank di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seterusnya akan mengeluarkannya daripada edaran.

Walau bagaimanapun, mata wang BND10,000 adalah masih sah diperlakukan dengan nilai muka yang penuh.

Penggunaan Pelekat Pas Kenderaan Daftar Luar Negara berkuat kuasa 1 Oktober

BERAKAS, Rabu, 30 September. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain, seperti pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED); Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); juga Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK); dengan nasihat dan arahan daripada Kementerian Kesihatan akan melaksanakan penggunaan Pelekat Pas Kenderaan bagi mengawal kenderaan-kenderaan luar negara yang berada di negara ini semasa pandemik COVID-19 yang masih berlaku ketika ini.

Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk 2020 mula dilaksanakan, 1 Oktober

BERAKAS, Rabu, 30 September. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengumumkan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), bahawa selaras dengan kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk 2020 atau Exit and Entry

Charges Order, bermula Khamis, 1 Oktober 2020.

Aplikasi RTBGo dilancarkan

SALAMBIGAR, Sabtu, 10 Oktober. - RTBGo yang dahulunya hanya boleh diakses menerusi laman sesawang www.rtbgo.bn, kini boleh diakses melalui aplikasi telefon bimbit yang boleh dimuat turun dari App Store bagi para pengguna iOS dan Google Play bagi para pengguna Android. Teknologi penyiaran pada masa ini mengalami perubahan dan evolusi, seperti penggunaan gelombang frekuensi analog kepada gelombang frekuensi digital.

Telaga Kekal Air Bawah Tanah dirasmikan

KUALA BELAIT, Sabtu, 17 Oktober. - Projek Telaga Kekal Air Bawah Tanah Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang yang siap sepenuhnya pada 14 September 2020 dihasratkan akan dapat meningkatkan komitmen peladang untuk mengusahakan sepenuhnya kawasan penanaman padi bagi meningkatkan pengeluaran padi di kawasan tersebut melalui penggunaan variasi padi berhasil tinggi serta melaksanakan penanaman padi dua kali setahun. Tujuan utama projek ini adalah bagi mendapatkan sumber air alternatif di kawasan-kawasan penanaman padi yang belum mempunyai sistem pengairan yang lengkap bagi kegunaan peladang-peladang padi di kawasan tersebut terutama sekali di luar musim utama penanaman padi. Perasmian Telaga Kekal Air Bawah Tanah Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang ini disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong di Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang, Mukim Labi di Daerah Belait.

Negara berdukacita atas kemangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam merafakkan sembah takziah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja atas kemangkatan putera baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat ke Istiadat Pemakaman Diraja bagi paduka anakanda baginda

di Kubah Makam Diraja, di sini.

Potacabin baharu, Hospital SSB dirasmikan

KUALA BELAIT, Sabtu, 31 Oktober. - Perasmian Potacabin Pusat Harian Psikiatri, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait untuk pesakit psikiatri bagi menggantikan kemudahan pusat tersebut, dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

RB menangi Asia's Leading Cabin Crew 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) sukacita memaklumkan bahawa RB diumumkan sebagai pemenang rasmi Asia's Leading Cabin Crew 2020 pada World Travel Awards (WTA) semasa Asia Winner Day 2020 yang berlangsung secara dalam talian. RB dicalonkan untuk kategori tersebut tiga kali berturut-turut sejak tahun 2018, dan tahun ini, RB menerima anugerah berkenaan setelah menerima undian terbanyak dalam tinjauan para pelayang dari seluruh dunia.

Mushaf UNISSA julang syiar Islam negara

BERAKAS, Isnin, 9 November - bertepatan dengan 10 tahun Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengeluarkan graduannya, Mushaf UNISSA tulisan tangan, buat julung kalinya telah dijulang dan diarak sebagai mengepalai perarakan Haflut Takharuj pada kali ini.

Seramai 292 graduan UNISSA menerima ijazah dan diploma dalam peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma pada Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-10 UNISSA, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

COVID-19 uji kerelevanan APEC

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa pandemik COVID-19 menguji kerelevanan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) sebagai platform kerjasama ekonomi yang selama ini memberi manfaat kepada rakyat APEC.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam, titah baginda, mengalu-alukan Visi Putrajaya APEC 2040 yang memberikan dorongan ke arah mencapai misi baharu pasca COVID-19.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut dalam titah semasa berkenan menyertai para Pemimpin APEC bagi Leaders' Retreat Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-27 secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

Mural penyeri Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November. - Projek 'The Pedestrianisation of Jalan Roberts and Adjacent Alleyways' merupakan salah satu inisiatif di bawah kelolaan Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan dalam usaha mencantikkan dan menyerikan lagi kawasan Bandar Seri Begawan (BSB).

Projek tersebut memperlihatkan pelbagai jenis seni lukisan yang diserikan lagi dengan bermacam-macam corak warna di sepanjang Jalan Roberts.

Seluruh negara mendoakan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

NBD jalin hubungan diplomatik dengan Rwanda

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Rwanda mulai 9 Disember 2020.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalanan hubungan diplomatik diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York.

BFA iktiraf hidangan terbaik

BERAKAS, Ahad, 13 Disember. - Sebanyak 44 buah restoran dan kedai makan menerima anugerah pengiktirafan masing-masing setelah berjaya terpilih menerima anugerah hidangan terbaik pada malam Anugerah Makanan Brunei (Brunei Food Awards - BFA) yang julung-julung kalinya diadakan. BFA merupakan anugerah bagi makanan dan minuman yang secara rasmi mengiktiraf dan menganugerahkan hidangan makanan serta minuman terbaik di Negara Brunei Darussalam.



Ubah lagu Indonesia Raya : Polis Indonesia tahan suspek warganegara itu



JAKARTA, 1 Jan. - Polis Indonesia menahan seorang pelajar warganegara itu, yang dipercayai terbabit dalam pembikinan video lagu Indonesia Raya, yang diubah suai liriknya dan menghina negara berkenaan.

Menurut Ketua Agensi Siasatan Jenayah Polis Indonesia Listyo Sigit Prabowo seperti dipetik media tempatan menyatakan, suspek ditahan 8 malam tadi di sebuah rumah, di Cianjur, Jawa Barat.

"Polis menahan suspek lelaki, berinitial 'MDF', dan menyita satu telefon bimbit, satu SIM card dan set komputer," katanya.

Setakat ini polis belum mendedahkan identiti lengkap suspek berkenaan. (seperti umur, asal, dan belajar di mana).

Penangkapan itu adalah hasil kerjasama siasatan kes berkenaan melibatkan Polis Indonesia dan Polis Diraja Malaysia.

Sebelum ini sebuah video telah dimuat naik oleh individu tidak

bertanggungjawab di ruang komen di laman Youtube My Asean, yang memaparkan lagu kebangsaan Indonesia disunting liriknya yang menghina negara Indonesia.

Video di Youtube berkenaan telah dipadamkan, namun video itu dimuat naik ke pelbagai aplikasi lain dan ditularkan, sehingga menimbulkan pelbagai komen kebencian dan kemarahan.

Semalam, Bernama melaporkan, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata suspek video

berkenaan dilakukan oleh warga republik negara berkenaan, dan bukan dilakukan di Malaysia.

Beliau berkata maklumat itu diperoleh hasil soal siasat terhadap

seorang buruh warga Indonesia berusia lingkungan 40-an, yang ditahan di Sabah. - ©BERNAMA

Iran akan bayar pampasan US\$150,000 kepada mangsa nahas udara pesawat Ukraine

TEHRAN, 31 Dis. - Iran akan membayar pampasan bernilai US\$150,000 kepada 176 keluarga mangsa nahas udara pesawat Ukraine yang terhempas berhampiran lapangan terbang Tehran Januari lalu, lapor Agensi Anadolu.

Kabinet pada Rabu memberikan kelulusan mereka untuk pembayaran pampasan itu "secepat mungkin" menjelang ulang tahun pertama nahas berkenaan.

Pesawat Ukrainian International Airlines PS752 terhempas sejurus selepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Imam Khomeini Tehran pada 8 Januari.

Kejadian berlaku beberapa hari selepas pembunuhan komander tentera tertinggi Iran, Qassem Soleimani dalam serangan tentera Amerika Syarikat di Baghdad, ketika sistem pertahanan udara Iran dalam keadaan berjaga-jaga.

Awalnya, pihak berkuasa Iran

menafikan peluru berpandunya menembak jatuh pesawat penumpang itu. Iran kemudian mengaku tenteranya tersilap dan tertembak pesawat malang berkenaan.

Sebilangan besar mangsa terdiri warga Kanada berketurunan Iran.

Wakil presiden Iran untuk urusan undang-undang, Laaya Joneidi, berkata bayaran pampasan akan dibuat berdasarkan dokumen rasmi dan sebelum ulang tahun pertama kejadian.

Menteri Jalan Raya dan Pembangunan Bandar Iran Mohammad Eslami ditugaskan untuk menyerahkan pampasan itu kepada keluarga mangsa.

Perkara itu diumumkan dua hari selepas Iran menyerahkan laporan terakhirnya mengenai nahas pesawat kepada Ukraine.

Jurucakap Kementerian Luar Iran, Saeed Khatibzadeh, pada Isnin pula berkata Pertubuhan

Penerbangan Awam negara itu bertanggungjawab atas isu teknikal.

Katanya, terjemahan laporan itu akan diserahkan secara rasmi dalam beberapa hari lagi dan tindakan undang-undang untuk kes itu akan dilakukan berdasarkan konvensyen dan perjanjian antarabangsa.

Walaupun Iran mengakui kesilapan manusia dan penyelarasan mekanisme pertahanan udaranya yang tidak tepat, masyarakat antarabangsa menuntut tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab secara langsung.

Pada Oktober, Timbalan Menteri Luar Mohsen Baharvand menyatakan Iran sedang menyelesaikan perkara itu dengan pihak berkuasa Ukraine dan mereka yang didapati bersalah akan dihukum. - ©BERNAMA

Pengguna bot laju puas hati dengan perkhidmatan

BUTTERWORTH, 1 Jan. - Orang ramai teruja untuk menggunakan perkhidmatan bot laju Pulau Pinang yang mula beroperasi hari ini sehingga ada yang sanggup menunggu hampir sejam untuk mencubanya.

Perkhidmatan bot laju yang bermula 6.30 pagi tadi itu bagi membawa penumpang pejalan kaki, menggantikan feri ikonik yang telah beroperasi kira-kira 126 tahun.

Seorang ahli peniagaan, Chai Shyan Jaw, 49, dari Seberang Perai merupakan antara orang pertama yang menunggu di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth, seawal 5.45 pagi lagi.

Chai berkata beliau ingin mencuba bot baharu itu kerana dilaporkan lebih laju, selesa dan selamat untuk penumpang.

"Memandang hari ini hari cuti, saya tidak ingin melepaskan peluang untuk mencuba perkhidmatan bot laju ini dan saya sampai di pangkalan pada kira-kira 5.45 pagi tadi," katanya ketika

ditemui pemberita di sini hari ini.

Chai berkata beliau sangat berpuas hati dengan perkhidmatan bot laju itu yang perjalanannya hanya mengambil masa kurang daripada 10 minit.

Sementara itu, Aisyah Saad, 32, dari Terengganu berkata beliau juga berpuas hati dengan perkhidmatan bot laju yang berhawa dingin itu namun keadaan bot tertutup tidak membolehkannya menikmati pemandangan.

Beliau berkata berbanding feri yang terbuka, penumpang berpeluang bergambar dan menikmati pemandangan Pulau Pinang sepanjang perjalanan mengambil masa hampir 30 minit.

"Dari segi keselesaan dan keselamatan, bot laju ini lebih baik namun saya lebih menyukai feri lama kerana dapat mengambil gambar sambil menikmati pemandangan Pulau Pinang," katanya yang bercuti bersama suami dan dua anak.

Operasi bot laju bermula dari Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth pada 6.30 pagi dan berakhir di Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) pada 11 malam setiap hari dengan kekerapan bot pada setiap 30 minit.

Sebelum ini, Kementerian Pengangkutan menyatakan fasa pemodenan perkhidmatan feri akan dimulakan dengan memperkenalkan tiga bas air (untuk penumpang) bermula 1 Jan, diikuti dua pengangkut kenderaan yang hanya membawa kenderaan bermotor dua roda (seperti motosikal dan basikal) yang akan beroperasi mulai 2022.

Pada 17 Dis lepas, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz memberitahu Dewan Rakyat, sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan untuk pemodenan perkhidmatan feri itu yang akan disalurkan melalui dua pembayaran iaitu pada 2021 dan 2022. - ©BERNAMA

P.Pinang beri penekanan terhadap pelancongan domestik pada separuh pertama 2021

GEORGE TOWN, 1 Jan. - Pulau Pinang akan memberi penekanan kepada pelancongan domestik dalam separuh pertama 2021 bagi menghidupkan kembali industri pelancongan negeri dan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan ketika penularan pandemik COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) negeri Yeoh Soon Hin berkata pelancongan domestik, yang memberi tumpuan kepada percutian berorientasikan keluarga, ekopelancongan dan pelancongan kebudayaan kreatif, perlu bagi mengekalkan industri pelancongan serta mengisi kelompongan perjalanan antarabangsa yang masih tidak menentu.

Meskipun berdepan cabaran menghidupkan kembali industri pelancongan pada 2021, beliau tetap yakin mampu mencapai pemulihan keluk berbentuk 'V' (pemulihan yang cepat dan berterusan) dan bangkit semula apabila vaksin boleh didapati dan digunakan oleh orang ramai.

"Walaupun pandemik COVID-19 memberi kesan mendalam terhadap industri pelancongan global, kami melihatnya sebagai bukan penghalang kepada keinginan orang ramai untuk melancong dan sektor pelancongan.

"Untuk memanfaatkannya, kebanyakan negara sedang merangka strategi dan membuat perancangan bersesuaian sebagai persediaan ke arah kebangkitan dan transformasi sektor ini," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Yeoh juga berkata PETACE akan membangunkan strategi berkaitan ekonomi kreatif sejajar dengan deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi 2021 sebagai 'Tahun Antarabangsa Ekonomi Kreatif untuk Pembangunan Lestari.'

"Ekonomi kreatif mempunyai potensi besar dalam merangsang pembangunan ekonomi. Kami akan melancarkan beberapa aktiviti ekonomi kreatif tahun ini untuk menggalakkan penduduk Pulau Pinang yang berbakat untuk tampil menonjolkan kreativiti dan inovasi mereka," katanya.

Beliau berkata PETACE dan Penang Global Tourism juga sedang merancang kempen untuk memperkenalkan aktiviti pelancongan melalui kerjasama dengan pemain industri dan pihak berkepentingan yang akan diumumkan tidak lama lagi. - ©BERNAMA

Hujan lebat sebabkan beberapa kawasan dinaiki air di Johor

JOHOR BAHRU, 1 Jan. - Hujan lebat yang berlarutan sejak awal pagi tadi telah menyebabkan beberapa daerah di negeri ini dinaiki air.

Di Johor Bahru, tujuh buah keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) selepas rumah mereka di di Kampung Laut, Batu 10, dinaiki air setinggi dua kaki.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Skudai Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Riduan Akhyar berkata kesemua tujuh keluarga terdiri daripada 14 lelaki, tujuh wanita, empat kanak-kanak dan seorang bayi itu dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Batu 10.

Seramai 11 anggota dengan dua jentera dikejarkan ke lokasi kejadian pada 12.44 tengah hari tadi selepas menerima panggilan kecemasan, katanya menerusi kenyataan, di sini hari ini.

Di Kluang pula, sebanyak 12 buah rumah di kawasan Perumahan SPKR Yap Tau Sah, Kampung Palembang dan Kampung Contoh dinaiki air setelah hujan lebat hampir tujuh jam bermula 5 pagi tadi.

Jurucakap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kluang berkata hujan berkenaan juga telah mengakibatkan beberapa jalan utama turut ditenggelami air dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan berat.

Katanya antara jalan terbabit ialah Jalan Kluang-Mersing (berhampiran pasar raya Eonsave); Jalan Mengkibol-Renggam; Jalan Batu 4-Mersing dan Jalan Kluang-Mersing (berhampiran pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Kahang).

"Bagaimanapun, melalui tinjauan pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Kluang sekitar 2 petang tadi, keadaan air mulai surut dan pemantauan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

"Buat masa ini belum ada lagi PPS dibuka dan keadaan banjir ini lebih kepada banjir kilat," katanya dalam satu kenyataan berasingan. - ©BERNAMA



Serangan di Lapangan Terbang Aden, korban meningkat 22 orang

ADEN (Yaman), 31 Dis. - Sekurang-kurangnya 22 orang terbunuh dalam tiga letupan menggegarkan lapangan terbang di bandar pelabuhan Aden, Yaman pada Rabu sejurus selepas anggota kabinet baharu kerajaan tiba di ibu kota

itu. Dianggarkan 50 yang lain cedera, lapor Agensi Anadolu (AA) memetik kenyataan Kementerian Dalam Negeri Yaman. Antara yang terkorban orang awam, pekerja lapangan terbang

dan pegawai yang hadir menyambut ketibaan anggota Kabinet itu. Anggota kabinet dilaporkan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Seorang sumber keselamatan berkata letupan itu menasaskan ruang VIP di lapangan terbang, yang berada di bawah kawalan pasukan Majlis Peralihan Selatan (STC).

Perdana Menteri Yaman Maen Abdulmalik Saeed, mengesahkan dalam akaun Twitternya "pegawai kerajaan

berada di Aden dan semua dalam keadaan baik."

"Tindakan penganas yang pengecut menasaskan lapangan terbang Aden adalah sebahagian perang yang dilancarkan terhadap negara Yaman dan pegawai kita.

"Perbuatan itu hanya akan menguatkan lagi azam kita untuk melaksanakan tugas sehingga berakhirnya rampasan kuasa (yang dilakukan Houthi pada 2014) dan memulihkan semula

negara," kata perdana menteri.

Sementara itu, Menteri Penerangan Moammar Al-Eryani menuduh Houthis melakukan serangan itu.

"Serangan dilakukan Houthis yang disokong Iran di lapangan terbang Aden tidak akan menghalang kita untuk melaksanakan tugas demi negara," kata menteri itu di Twitter.

Houthi dalam satu kenyataan menafikan tuduhan itu. - ©BERNAMA

2 maut, 7 hilang kapal kargo karam di Timur China

HANGZHOU, 31 Dis. - Dua terbunuh manakala tujuh yang lain hilang selepas sebuah kapal kargo membawa 13 anak kapal karam pada Rabu di wilayah Zhejiang timur China.

Agensi berita Xinhua melaporkan pusat mencari dan menyelamat maritim wilayah itu menerima panggilan kecemasan kira-kira 3.40 petang Rabu.

Kapal dengan muatan 4,700 tan simen dalam perjalanan dari Wuhu ke Xiamen itu karam akibat gelombang kuat, kira-kira dua batu nautika di utara pulau Cezi di kota Zhoushan.

Empat kru berjaya diselamatkan dan pihak berkuasa tempatan telah menghantar lebih 20 kapal untuk menjalankan misi mencari dan menyelamat mangsa yang hilang. - ©BERNAMA

Parlimen Britain luluskan perjanjian perdagangan Pasca-Brexit

LONDON, 31 Dis. - Parlimen Britain pada Rabu meluluskan perjanjian perdagangan Pasca-Brexit antara Britain dan Kesatuan Eropah (EU) dengan majoriti besar.

Perjanjian itu menerima sokongan 521 undi berbalas 73 setelah lima jam ia dibahaskan di Dewan Rakyat, lapor agensi berita Xinhua.

Parlimen Britain dipanggil bersidang bagi meluluskan perjanjian itu menjadi sebahagian undang-undang, sehari sebelum tempoh peralihan Britain keluar dari EU berakhir pada 31 Dis (Khamis).

Rang undang-undang (RUU) mengenai perjanjian itu kemudian dibawa ke Dewan Negara untuk diluluskan.

Ratu Elizabeth II dijangka memberikan perkenan diraja pada Rabu sebaik proses di Parlimen selesai.

Perdana Menteri Britain, Boris Johnson mendapat sokongan padu untuk meluluskan RUU itu apabila pembangkang Parti Buruh mengumumkan menyokong perjanjian itu.

Britain yang bakal mengakhiri keanggotaannya dalam EU pada 31 Januari 2020, telah mematuhi peraturan EU dalam tempoh peralihan yang berakhir pada 11 malam (waktu tempatan) Khamis. Tanpa rang undang-undang baharu ini, Britain akan memasuki tahun 2021 tanpa perjanjian perdagangan dengan EU.

EU dan Britain pada Khamis lalu mengumumkan mencapai kesepakatan dalam perdagangan dua hala dan keselamatan.

Perjanjian yang dicapai selepas sembilan bulan rundingan antara Britain dan EU itu, adalah perjanjian perdagangan dua hala terbesar ditandatangani kedua-dua pihak, merangkumi perdagangan bernilai sekitar 668 bilion pound (kira-kira US\$905.4 bilion).

EU rakan dagang terbesar Britain. Britain rakan dagang ketiga terbesar EU dalam barangan, diikuti Amerika Syarikat dan China. - ©BERNAMA

AS : California pula kesan varian baharu COVID-19

WASHINGTON, 31 Dis. - California muncul negeri kedua di Amerika Syarikat (AS) yang mengesan varian baharu COVID-19, kata Gabenor Gavin Newsom pada Rabu, lapor Agensi Anadolu.

Gabenor memaklumkan perkara itu ketika perbincangan maya dengan pengarah Institut Alergi Negara dan Penyakit Berjangkit, Dr. Anthony Fauci.

Newsom berkata pegawai mengenal pasti varian baharu - pertama kali dikesan di United Kingdom(UK) - di Selatan California.

Fauci "tidak terkejut" dengan perkara itu dan kemungkinan varian baharu akan muncul di negeri-negeri lain.

Sebelum ini, Gabenor Colorado Jared Polis mengumumkan pegawai kesihatan negeri mengesan kes pertama membabitkan varian baharu itu.

"Penduduk California tidak perlu rasa aneh. Ini adalah sesuatu yang memang dijangka," kata Fauci.

Saintis di UK masih mengkaji varian itu, walaupun percaya ia 70 peratus lebih cepat merebak berbanding virus asal namun, tidak menyangka ia memberikan impak lebih buruk terhadap kesihatan. - ©BERNAMA

Perdagangan China, EU capai kemajuan signifikan

BEIJING, 31 Dis. - China dan Kesatuan Eropah (EU) berjaya memuktamadkan rundingan perjanjian pelaburan membabitkan kedua-dua pihak mengikut jadual ditetapkan.

Pengumuman mengenai perkara itu dibuat secara maya antara Presiden China, Xi Jinping dengan Canselor Jerman, Angela Merkel, Presiden Perancis, Emmanuel Macron, Presiden Majlis Eropah, Charles Michel dan Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen pada Rabu malam.

Menurut Presiden China negaranya bukan sahaja berusaha untuk membina situasi pembangunan yang baharu, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan membuka ruang kerjasama kepada Eropah

sahaja, malahan kepada dunia.

Pada masa sama, Xi berharap Eropah dapat mempertahankan perdagangan bebas dan multilateralisme, menyediakan iklim perniagaan yang terbuka, serta bertindak adil tanpa diskriminasi.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerjasama pragmatik China-Eropah berjaya mengekalkan momentum seterusnya menghasilkan pencapaian serta trend perkembangan yang positif.

Untuk rekod, EU kini merupakan rakan dagang kedua terbesar China selepas ASEAN, manakala China berada di tangga teratas sebagai rakan dagang terbesar EU.

Statistik terkini turut

menunjukkan, walaupun terdapat pandemik COVID-19, jumlah nilai perdagangan dua hala China-Eropah berjaya mencatat USD581.28 bilion (RM2.34 trilion), peningkatan berbanding 3.5 peratus.

Antaranya, kadar produk barang-barang elektronik dan teknologi canggih dalam jumlah pengeksporan China ke EU masing-masing meningkat ke 61 peratus dan 28 peratus pada 2019, sebanyak 51 peratus dan 19 peratus pada 2001.

Sementara itu, industri perkhidmatan China-Eropah turut sama berkembang maju dengan catatan sebanyak USD140.7 bilion (RM568.4 bilion) pada tahun lepas, sekali gus mencipta rekod tertinggi dalam sejarah. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 10 hilang dalam kejadian tanah runtuh di Norway

ANKARA, 31 Dis. - Sekurang-kurangnya 10 orang hilang dalam kejadian tanah runtuh di bandar Ask, Norway pada Rabu, lapor Agensi Anadolu.

"Kami pasti ada mangsa yang terperangkap dalam kejadian tanah runtuh di wilayah itu," kata pengurus operasi penyelamat Roger Pettersen.

Tanah runtuh menyebabkan beberapa bangunan roboh, operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan termasuk di sebelah malam, meskipun berdepan pelbagai kesukaran.

Sekurang-kurangnya 10 orang cedera - seorang dilaporkan serius - dan kira-kira 1,000 yang lain terpaksa dipindahkan.

Menurut media tempatan, polis

menerima laporan pertama kira-kira 4.00 pagi Rabu waktu tempatan (0300GMT), dan semua perkhidmatan kecemasan, termasuk ambulans, helikopter, polis, tentera dan Palang Merah dikerahkan ke lokasi kejadian di bandar kecil Norway, 20 kilometer di timur laut Oslo. - ©BERNAMA

Itali sasar beri suntikan vaksin COVID-19 kepada 10-15 juta penduduk menjelang April

ROM, 31 Dis. - Itali merancang untuk memberi vaksin COVID-19 kepada kira-kira 10 hingga 15 juta dari jumlah keseluruhan 60 juta penduduknya menjelang April 2021, kata Perdana Menteri Giuseppe Conte pada Rabu.

Pada sidang media, Conte berkata di bawah kempen vaksinasi besar-besaran Itali, kumpulan pertama yang akan diberikan vaksin ialah 1.8 juta

petugas perubatan termasuk doktor, jururawat, dan kakitangan rumah penjagaan diikuti dengan 4.4 juta warga emas, lapor agensi berita Xinhua.

Meurut rancangan vaksinasi yang diluluskan Parlimen pada 2 Disember, antara kumpulan terawal akan disuntik termasuk guru dan penyedia perkhidmatan penting lain, serta banduan dan staf penjara.

Conte berkata kerajaan tidak mewajibkan suntikan vaksin itu, tetapi sedang meneliti apakah jenis pengenalan khusus untuk diberikan kepada mereka yang sudah mendapat vaksin agar dapat bergerak lebih bebas berbanding yang menolak vaksin.

Kempen vaksinasi bermula di Itali dan Kesatuan Eropah (EU) lain pada 27 Disember. - ©BERNAMA

American Airlines mulakan semula penerbangan komersial Boeing 737 Max



SAN FRANCISCO, 30 Dis. - American Airlines pada Selasa memulakan semula penerbangan Boeing 737 Max membabitkan perjalanan dari Miami ke New York, penerbangan komersial pertama selepas hampir dua tahun perkhidmatan pesawat itu digantung di seluruh dunia.

Pesawat 718 membawa kira-kira 100 penumpang dan mendarat pada Selasa petang di Lapangan Terbang LaGuardia, lapor agensi

berita Xinhua memetik jurucakap syarikat penerbangan.

Boeing 737 MAX digantung perkhidmatannya sejak awal Mac tahun lalu, berikutan banyak bukti menunjukkan masalah perisian kawalan penerbangan menjadi punca kepada dua nahas udara dalam tempoh kurang setahun.

Selepas operasi disambung semula, syarikat itu dijadualkan mengadakan perkhidmatan

penerbangan pergi balik dari Miami ke New York sehingga 4 Januari.

Syarikat itu dijangka "secara berperingkat akan memperkenalkan semula lebih banyak pesawat 737 MAX sepanjang Januari, dengan sehingga 36 penerbangan dari hub Miami."

Penumpang semua penerbangan Max Amerika akan dimaklumkan terlebih dahulu, dengan diberi

pilihan penempahan semula, kata American Airlines.

"Jika pelanggan enggan terbang dengan 737 MAX, mereka tidak

perlu ... Kami akan memberikan fleksibiliti untuk memastikan mereka boleh melakukan perjalanan dengan pesawat lain," kata syarikat itu. - ©BERNAMA

Kamala Harris terima dos pertama vaksin COVID-19

WASHINGTON, 30 Dis. - Bakal naib presiden Amerika Syarikat (AS) Kamala Harris pada Selasa menerima dos pertama vaksin COVID-19, lapor agensi berita Xinhua.

"Saya ingin menggalakkan semua untuk mendapatkan vaksin. Ia tidak sakit, mudah dan selamat," kata Harris sejurus selepas diberikan vaksin Moderna di United Medical Center di Washington.

"Oleh itu, saya menggesa semua orang mendapatkan vaksin itu bila tiba giliran anda."

Seminggu sebelum itu, bakal Presiden Joe Biden menerima vaksin Pfizer-BioNTech, yang mendapat kebenaran penggunaan kecemasan dari Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan AS, turut diberi kebenaran vaksin Moderna.

Selain Biden dan Harris, Naib Presiden Mike Pence dan isteri

Karen Pence juga sudah disuntik.

Semua proses suntikan vaksin itu disiarkan secara langsung menerusi saluran televisyen.

Presiden Donald Trump awal bulan ini berkata, sudah menukar rancangan untuk mengutamakan petugas Rumah Putih dalam program vaksinasi negara dan "dia sendiri belum menetapkan jadual mengambil vaksin," tetapi berharap akan mengambilnya pada masa sesuai". - ©BERNAMA

Gempa bermagnitud 6.4 gegar Croatia

ZAGREB, 30 Dis. - Gempa berkekuatan 6.4 pada skala Richter menggempakan Petrinja, sebuah kota kecil kira-kira 50 kilometer sebelah tenggara Zagreb, ibu negara Croatia, pada 12.19 tengah hari waktu tempatan (1119 GMT) pada Selasa, kata Pusat Seismologi Eropah-Mediterranean (EMSC).

Agensi berita Xinhua melaporkan polis tempatan mengesahkan lima orang terbunuh dalam kejadian itu.

Sekurang-kurangnya 20 orang

cedera dirawat di hospital dan pasukan penyelamat masih mencari mangsa yang terperangkap di bawah runtuhan.

"Bandar saya musnah teruk. Ada kanak-kanak turut menjadi korban. Keadaan itu sukar untuk digambarkan ia umpama Hiroshima," kata Datuk Bandar Petrinja Darinko Dumbovic kepada televisyen negara.

Perdana Menteri Andrej Plenkovic, Presiden Zoran Milanovic dan beberapa menteri

turut melawat kawasan kejadian.

"Kami minta maaf. Ini adalah tragedi. Tentera, polis, anggota perubatan, perkhidmatan awam dan bomba sudah berada di lokasi," kata Plenkovic kepada wartawan di Petrinja.

Sebelum ini pada pagi Isnin, kawasan berhampiran dengan lokasi kejadian turut dilanda gempa bumi bermagnitud 5.2 pada skala Richter, tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan. - ©BERNAMA

Iran sambung semula bekal gas kepada Iraq

TEHRAN, 30 Dis. - Iran bersetuju menyambung semula bekalan gas ke Iraq bermula Rabu selepas kedua-dua negara mencapai kesepakatan mengenai penyelesaian hutang tertunggak, lapor Agensi Anadolu.

Menteri Tenaga Iran Reza Ardakanian ketika lawatan dua hari ke Baghdad mengadakan perbincangan dengan pegawai tinggi Iraq mengenai masalah tunggakan US\$6 bilion.

Katanya, pegawai Iraq sepakat untuk membayar balik sebahagian hutang kepada syarikat gas dan tenaga Iran, tanpa menyatakan jumlah.

Sekatan Amerika Syarikat (AS) menghalang Iran untuk mengakses asetnya di beberapa negara, termasuk Iraq, sehingga

menyukarkan negara itu melunaskan hutang.

Awal minggu ini, syarikat gas Iran mengumumkan telah mengurangkan bekalan gas ke Iraq berikutan isu hutang tertunggak itu, menjadikan Baghdad berisiko mengalami kekurangan tenaga yang serius.

Iran mengurangkan eksport gas ke Iraq dari 50 juta meter padu menjadi lima juta dalam beberapa minggu kebelakangan ini dan merancang mengurangkan kepada tiga juta minggu ini.

Syarikat Gas Negara Iran (NIGC) berkata Kementerian Tenaga Elektrik Iraq berhutang kira-kira US\$ 6 bilion, manakala dianggarkan US\$3 bilion masih disekat di sebuah bank perdagangan Iraq kerana

sekatan AS.

Syarikat itu juga mengatakan Iraq berhutang lebih US\$1 bilion kerana "melanggar kontrak" di bawah perjanjian antara kedua-dua pihak, yang diperbaharui pada Jun untuk tempoh dua tahun lagi.

Iran juga telah membantu Iraq dengan membangun dan memperbaiki loji jana kuasa dan infrastruktur elektrik di bawah memorandum persefahaman 2018.

Washington sebelum ini memberi pengecualian sekatan 90 atau 120 hari kepada Iraq untuk membeli gas Iran, tetapi pada November ia dikurangkan kepada 45 hari, sekali gus merumitkan lagi keadaan. - ©BERNAMA

Biden mahu kongres tambah dana rawatan COVID-19

WASHINGTON, 30 Dis. - Bakal Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden mendesak Kongres menyediakan dana tambahan bagi membiayai rawatan COVID-19, lapor agensi berita Sputnik.

"Semua ini - vaksinasi, pengujian, peralatan perlindungan - memerlukan lebih banyak dana dari Kongres berbanding jumlah baharu yang telah dipersetujui," kata Biden kepada wartawan pada Selasa.

Biden berjanji akan mencadangkan "pakej tindakan COVID-19" awal tahun depan dan meminta Kongres untuk bertindak pantas.

Tegasnya, usaha itu memerlukan puluhan juta dolar, memandangkan setiap institusi memerlukan dana tambahan untuk menjaga keselamatan kesihatan.

"Sekolah memerlukan dana untuk ujian saringan, lebih banyak dana untuk pengangkutan, sehingga pelajar dapat menjaga jarak sosial di dalam bas, untuk bangunan sekolah, pembersihan, peralatan perlindungan," tambah Biden. - ©BERNAMA

Colorado kesan kes pertama babitkan varian baharu COVID-19

WASHINGTON, 30 Dis. - Colorado, Amerika Syarikat (AS) mengesan kes pertama membabitkan varian baharu virus COVID-19 yang awalnya dikesan di United Kingdom (UK), lapor agensi berita Sputnik, memetik Gabenor Jared Polis.

"Hari ini kami mengesan kes pertama varian COVID-19 B.1.1.7 di Colorado, varian yang sama ditemui di UK," kata Polis dalam satu kenyataan pada Selasa.

"Kesihatan dan keselamatan penduduk Colorado adalah keutamaan kami dan kami akan memantau dengan teliti kes ini." - ©BERNAMA

Serangan peluru berpandu di Damsyik, 1 maut, 3 cedera

MOSCOW, 30 Dis. - Seorang terbunuh dan tiga tentera cedera dalam serangan peluru berpandu di pinggir bandar Damsyik, lapor agensi berita Sputnik.

Kejadian berlaku ketika tentera udara Syria cuba menangkis serangan Israel di bandar Zabadani di Damsyik, menurut laporan televisyen Syria.

Serangan dilancarkan dari wilayah Galilee pada 1.30 pagi waktu tempatan. Pertahanan udara Syria berjaya memintas beberapa peluru berpandu. Beberapa kemudahan turut rosak akibat serangan itu. - ©BERNAMA

Gelombang sejuk, China keluar amaran peringkat kuning

BEIJING, 30 Dis. - Pihak berkuasa meteorologi China pada Rabu mengeluarkan amaran peringkat kuning berikutan gelombang sejuk yang melanda sebahagian besar wilayah tengah dan timur China, lapor agensi berita Xinhua.

Dari Rabu hingga Khamis, suhu di kebanyakan kawasan di selatan China dijangka mencatatkan penurunan sehingga 12 darjah Celsius, kata Pusat Meteorologi Kebangsaan (NMC).

Gelombang sejuk juga diramal melanda wilayah di utara China dan di kawasan sepanjang Sungai Yangtze dan Sungai Huai.

NMC menasihati orang ramai supaya berhati-hati terhadap cuaca sejuk dan angin kencang.

China mempunyai sistem amaran cuaca empat peringkat, merah mewakili paling buruk diikuti oren, kuning dan biru. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

SILAT merupakan salah satu daripada seni mempertahankan diri yang ada di Negara Brunei Darussalam. Ia juga dipertandingkan sebagai sukan tempur yang sering diadakan di negara ini.

Di antara kategori yang dipertandingkan adalah seperti 'Lelaki dan Perempuan Tunggal' iaitu seorang pesilat akan menunjukkan 'bunga' (aksi silat) dan akan dinilai oleh para 'wasit silat' (juri) dengan tujuan untuk mencari pemenang dalam kategori tersebut.



ePaper Pelita Brunei

Pasangan Minggat Sulong, Salleh Haji Donglah juara

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Januari. - Pasangan Minggat Sulong dan Salleh bin Haji Donglah muncul juara pada Kejohanan Badminton Jemputan Kali Pertama anjuran ABBAS'S tersebut.

Manakala pasangan Ameer bin Mahmud dan Mohd. Norkhbironsyah bin Haji Kamal pula menduduki tempat kedua, sementara pasangan Abdul Azim @ Rudy bin Haji Kassim dan Md. Noorazizam @ Cham bin Haji Buang bersama pasangan Pengiran Haji Zainuddin bin Pengiran Haji Damit dan Kassim bin Haji Ibrahim pula berada di tempat ketiga.

Kesemua pemenang membawa pulang hadiah berupa barangan dapur dan keperluan harian, sementara peserta yang tidak berjaya turut menerima hadiah sagu hati daripada pihak penganjur.

Kejohanan yang berlangsung pada

31 Disember lalu berkenaan, berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Kampung Bengkurong dan merupakan kali pertama ia diadakan bagi para pemain Bengkurong Veteran Badminton Community (BVBC) dan beberapa pemain jemputan.

Seramai 24 pemain menyertai kejohanan tersebut yang dijalankan secara kalah mati.

Tujuan kejohanan diadakan, antaranya untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan meningkatkan kemahiran badminton dalam kalangan pemain-pemain.

Penyampaian hadiah disampaikan oleh Pengerusi / Pengurus Besar BVBC, Haji Mohd. Aliddin bin Haji Kura.

Atur cara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Ibrahim bin Haji Jumaat.

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Bengkurong Veteran Badminton Community



PASANGAN Minggat Sulong dan Salleh bin Haji Donglah muncul juara pada Kejohanan Badminton Jemputan Kali Pertama anjuran ABBAS'S.

ATV aktiviti lasak, mencabar

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

TUTONG, Khamis, 31 Disember. - Jika mempunyai waktu yang terluang, lazimnya orang ramai akan menggunakan masa tersebut dengan melakukan

pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti bersukan, beriadah dan berkunjung ke tempat-tempat menarik di negara ini dan sebagainya.

Namun, ada juga yang gemar melakukan aktiviti sukan lasak dan menjadikannya sebagai satu hobi bagi mengisi masa lapang dan menimba pengalaman serta merasakan keseronokan.

Salah satu aktiviti sukan lasak yang digemari ramai ialah sukan All Terrain Vehicle (ATV) yang begitu mencabar fizikal dan mental seseorang.

ATV boleh digunakan di atas jalan yang bersemen ataupun di atas tanah yang berlumpur sambil menikmati keindahan alam semula jadi sama ada di dalam hutan ataupun di persisiran pantai.

Pengendalian kenderaan ATV ini memang tidak sukar kerana ATV mempunyai empat roda dan cara memandunya hampir sama seperti menunggang motosikal.

Akan tetapi sebelum menaiki ATV, aspek keselamatan perlu juga diberikan perhatian yang sewajarnya seperti memakai topi keledar, jaket, sarung

tangan dan sebagainya bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku, lebih-lebih lagi apabila memandu di kawasan yang curam dan bahaya.

Salah seorang penggemar aktiviti sukan lasak ini semasa ditemui, iaitu Awang Khairul Nizam bin Abdullah dari Kampung Kiarong, 20 tahun, berkata bahawa memandu ATV

amat menyeronokkan dan sangat mencabar.

Aspek keselamatan semasa memandu ATV perlu juga dititikberatkan kerana ditakuti akan membahayakan keselamatan seseorang. Kita mestilah memakai topi keledar, eye protection, sarung tangan, berseluar panjang, baju lengan panjang atau berjaket serta menggunakan kasut but semasa memandu ATV.

Tahukah Awda

PEMBINAAN Masjid Omar 'Ali Saifuddin bermula pada Khamis, 1 Jamadilawal 1373H bersamaan 4 Februari 1954M. Masjid ini dibuka rasmi oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada 26 September 1958. Dinding sepanjang 560 meter mengelilingi masjid, mewujudkan satu lagun yang memperlihatkan masjid seperti tertimbul di atas air. Di sini juga terletak satu replika bahtera diraja Kurun Ke-16 yang dibina pada 1967 sempena memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran.

SUMBER : Sejarah Ristaan 50 Tahun Masjid Omar 'Ali Saifuddin.



SALAH satu aktiviti lasak yang semakin digemari oleh orang ramai, khususnya belia-belia muda ialah ATV.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KEAMANAN, KESEJAHTERAAN KURNIA, ANUGERAH DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نڭارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam